

**KAJIAN KES TERHADAP PEMULIHARAAN
BANGUNAN MASJID LAMA KAMPUNG TUAN
YANG TELAH MELAKUKAN
PENAMBAHBAIKAN PADA STRUKTUR
BINAANNYA**

NUR SAHIRA BINTI ZAINUDDIN

UNIVERSITI

MALAYSIA

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN
KEPUJIAN**

2021

KELANTAN



**Kajian Kes Terhadap Pemuliharaan Bangunan
Masjid Lama Kampung Tuan Yang Telah Melakukan
Penambahbaikan Pada Struktur Binaannya**

Oleh

Nur Sahira Binti Zainuddin

Projek Penyelidikan ini Dikemukakan bagi Memenuhi Syarat
untuk Memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan
dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2021

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Disahkan oleh:



(Tanda tangan pelajar)



(Tanda tangan penyelia)

Tarikh : 1 Februari 2021

Nama : *Tsuji Shyugi*
Tarikh: *27 Jan 2021*

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim...

Bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin-Nya pengkaji dapat menyiapkan tugas kajian yang diberikan ini dengan lancar dan sempurna. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih diucapkan kepada pensyarah selaku penyelia iaitu Dr. Tsuji Shyuji kerana telah banyak membantu, membimbing dan memberi tunjuk ajar sehingga sanggup bersengkang mata dalam memberi komen dan ulasan kepada pengkaji di dalam usaha bagi menyiapkan Projek Penyelidikan ini.

Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa pengkaji iaitu Zainuddin bin Mohd dan Ainizailan binti Ismil serta keluarga tersayang yang banyak memberikan sokongan moral terutamanya dari segi kekuatan mental dan fizikal, motivasi dan juga dalam bentuk kewangan dalam usaha menyiapkan kajian ini.

Selain itu, pengkaji juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan yang sudi membantu pengkaji dalam menyiapkan kajian ini khususnya ketika proses untuk melakukan kajian lapangan di Masjid Lama Kampung Tuan, Chukai, Kemaman, Terengganu. Semoga mereka semua diberikan balasan yang sebaik-baiknya oleh Allah S.W.T. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pihak informan yang banyak membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat mengenai tajuk kajian pengkaji melalui alam maya memandangkan pengkaji mempunyai beberapa masalah bagi mendapatkan maklumat secara bersemuka. Begitu juga dengan informan yang berkongsi maklumat kepada pengkaji secara bersemuka di Masjid Lama Kampung Tuan.

Akhir sekali, pengkaji tujukan juga ucapan terima kasih kepada semua yang membantu pengkaji samaada secara langsung atau tidak langsung. Dengan ini, diharapkan semoga kajian ini dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada pengkaji akan datang terutamanya kepada pelajar dalam bidang Konservasi Warisan Universiti Malaysia Kelantan untuk melakukan kajian mengenai pemuliharaan bangunan warisan.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGAKUAN TESIS.....	i
PENGHARGAAN.....	ii
ISI KANDUNGAN.....	iii
SENARAI GAMBAR.....	vi
ABSTRAK.....	vii
ABSTRACT.....	viii

BAB 1 PENGENALAN

1.0 Pengenalan.....	1
1.1 Latar Belakang Masjid Lama Kampung Tuan.....	3
1.2 Permasalahan Kajian.....	5
1.3 Persoalan Kajian.....	6
1.4 Objektif Kajian.....	6
1.5 Lokasi Kajian.....	7
1.6 Skop Kajian.....	8
1.7 Kepentingan Kajian.....	9
1.8 Kesimpulan.....	10

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan.....	11
2.1 Sorotan Kajian Lepas.....	11
2.1.1 Konsep Pemuliharaan.....	11
2.1.2 Pengenalan Akta.....	12

2.1.3 Penyelenggaraan Bangunan.....	14
2.1.4 Punca Kerosakan Bangunan Warisan.....	15
2.1.5 Pengurusan Masjid.....	16
2.1.6 Etika Pemuliharaan.....	17
2.1.7 Peranan Pihak Berkuasa Tempatan.....	18
2.2 Perbincangan Kritikan.....	19
2.3 Kepentingan Pemuliharaan.....	20
2.4 Rumusan Bab.....	22
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.0 Pengenalan.....	23
3.1 Kaedah Kualitatif.....	24
Sumber Primer	
3.1.1 Pemerhatian.....	24
3.1.2 Temu Bual.....	25
Sumber Sekunder	
3.1.3 Sumber Kepustakaan.....	26
3.1.4 Rujukan Internet.....	27
3.2 Rumusan Bab.....	27
BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan.....	28
4.1 Dapatan Kajian.....	28
4.1.1 Pemerhatian.....	28
4.1.2 Temu Bual.....	29
4.2 Analisis dan Dapatan Kajian.....	31

4.2.1	Mengenalpasti sama ada pemuliharaan bangunan Masjid Lama Kampung Tuan mengikut piawaian atau standard yang betul ataupun tidak.....	31
4.2.1.1	Pemerhatian.....	31
4.2.1.2	Temu Bual.....	32
4.2.2	Membincangkan kerja-kerja pemuliharaan yang pernah dijalankan keatas Masjid Lama Kampung Tuan.....	34
4.2.3	Mencadangkan penjagaan rapi kepada penduduk Kampung Tuan terhadap Masjid Lama Kampung Tuan dengan mengikut prosedur yang betul.....	38
4.3	Kesimpulan.....	39

BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0	Pengenalan.....	40
5.1	Perbincangan.....	40
5.1.1	Menjawab kepada Persoalan Kajian.....	40
5.1.2	Keaslian Kajian.....	41
5.2	Cadangan.....	42
5.3	Kesimpulan.....	44
	RUJUKAN.....	45
	LAMPIRAN.....	48

SENARAI GAMBAR

NO.	TAJUK	MUKA SURAT
1.0	Lokasi Masjid Lama Kampung Tuan, Kemaman, Terengganu	7
4.1	Bahagian ' <i>awning</i> ' dan ' <i>extension</i> ' yang ditambah pada fasad bangunan asal Masjid Kampung Tuan	28
4.2	Pengkaji menemubual informan	30
4.3	Rangka tiang yang sebelum ini menggunakan pasak digantikan dengan penggunaan bolt dan nat	35
4.4	Beranda yang dibina pada tahun 80-an	36
4.5	' <i>Awning</i> ' dan ' <i>extension</i> ' yang disambung dengan fasad bangunan asal untuk kegunaan orang ramai melakukan sesuatu program	37

**KAJIAN KES TERHADAP PEMULIHARAAN BANGUNAN MASJID LAMA
KAMPUNG TUAN YANG TELAH MELAKUKAN PENAMBAHBAIKAN PADA
STRUKTUR BINAANNYA**

ABSTRAK

Thesis ini memberi sedikit sebanyak maklumat mengenai pemuliharaan dan garis panduan mengenai bangunan warisan yang terdapat di Malaysia yang hanya berfokuskan kepada bangunan masjid. Masjid Lama Kampung Tuan telah menjalankan kerja-kerja pemuliharaan tanpa mengetahui dengan lebih terperinci mengenai garis panduan pemuliharaan bangunan warisan yang sebenar. Hal ini adalah kerana, setiap kerja pemuliharaan yang dijalankan keatas bangunan warisan mestilah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) agar tidak berlaku sebarang permasalahan mengenai bangunan warisan pada masa akan datang. Melalui garis panduan ini, secara tidak langsung dapat memenuhi kehendak pembangunan warisan dan budaya negara sekaligus melestarikan bangunan yang mampan daripada dibiarkan usang dan tidak terurus.

Kata kunci: Pemuliharaan, garis panduan, Jabatan Warisan Negara, pembangunan, warisan budaya, bangunan mampan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**KAJIAN KES TERHADAP PEMULIHARAAN BANGUNAN MASJID LAMA
KAMPUNG TUAN YANG TELAH MELAKUKAN PENAMBAHBAIKAN PADA
STRUKTUR BINAANNYA**

ABSTRACT

This thesis provides some information on conservation and guidelines on heritage buildings available in Malaysia that focus only on mosque buildings. Masjid Lama Kampung Tuan has carried out conservation work without knowing in more detail about the actual heritage building conservation guidelines. This is because, every conservation work carried out on heritage buildings must follow the guidelines set by the National Heritage Department (JWN) so that there are no problems about heritage buildings in the future. Through these guidelines, it can indirectly meet the needs of the development of national heritage and culture while preserving sustainable buildings from being left obsolete and unmanaged.

Keywords: Conservation, guidelines, National Heritage Department, development, cultural heritage, sustainable building.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Menurut Noresah (2002) di dalam Kamus Dewan dan Bahasa Pustaka Kuala Lumpur, surau bermaksud tempat beribadat seperti sembahyang dan tempat untuk belajar agama. Ia juga merupakan sebuah bangunan yang lebih kecil daripada masjid dan ia merupakan tempat orang-orang Islam untuk melaksanakan ibadat. Surau juga berfungsi untuk menjadi pusat kebudayaan, muamalat dan perkembangan dakwah Islamiah. Walau bagaimanapun, surau merupakan bangunan yang lebih kecil jika dibandingkan dengan masjid. Hal ini kerana, surau hanya digunakan oleh orang Islam untuk menunaikan solat fardhu secara berjemaah disamping melakukan aktiviti kemasyarakatan yang lain yang dikategorikan sebagai ibadah. Manakala perbezaan masjid dan surau ialah masjid mempunyai ruangan yang besar yang mampu menempatkan jumlah jemaah yang lebih ramai dan digunakan untuk menunaikan solat Jumaat.

Jairazbhoy menjelaskan bahawa perkataan Inggeris 'masjid' adalah bentuk 'masjid'e' Perancis yang berasal dari perkataan Sepanyol 'mezquita'. Istilah Sepanyol pula adalah terjemahan daripada perkataan Arab 'masjid' yang berasal dari bahasa Arab 'masgedha'. Gazalba pula menjelaskan bahawa kata dasar 'masjid' dalam Arab ialah 'sajd' yang bermaksud 'sujud'. Perbuatan sujud merupakan salah satu tindakan ritual dalam solat bagi kaum Muslim. Kata 'masjid', seperti yang difahami dalam terminologi seni bina sekarang, adalah bangunan yang digunakan oleh umat Islam untuk melaksanakan solat. Namun begitu, ia juga perlu diperhatikan bahawa kata 'masjid' turut digunakan secara umum dalam kesusasteraan Arab yang merujuk kepada tempat ibadat dalam pelbagai agama sekalipun. Berikut merupakan beberapa alasan untuk kesucian istimewa mereka. alasan yang pertama adalah disebabkan ia merupakan tempat ziarah bagi semua umat Islam. Selanjutnya, solat di ruangan masjid ini membawa lebih banyak pahala. (Mohamad Tajuddin, 1998)

Hal ini amat penting bagi mengetahui beberapa jenis tempat beribadat umat Islam yang menunjukkan secara khusus jenis masjid yang berkenaan. Setelah lebih dari 14 ratus tahun, masjid ini berkembang menjadi pelbagai jenis yang dapat diklasifikasikan menjadi lima jenis umum iaitu: Masjidil Haram, masjid yang digunakan oleh masyarakat, madrasah, musolla dan masjid peringatan. Masjidil Haram yang

berada di Mekah, Masjid Nabi Muhammad di Madinah dan Masjid Al-Aqsa di Jerusalem. Ketiga-tiga masjid ini disebut dengan jelas sebagai tempat suci dalam Al-Quran dan dalam tradisi Nabi Muhammad.

Perkataan surau tidak memberi definisinya yang tersendiri oleh Undang-Undang Pentadbiran Islam Wilayah Persekutuan 1993. Namun begitu, secara tidak langsung, perkataan surau ada disebut dalam definisi masjid yang dikatakan “masjid” merupakan sesuatu bangunan yang digunakan bagi kegunaan solat Jumaat dan solat lain. Malah, masjid juga boleh melaksanakan kegiatan-kegiatan yang dibenarkan oleh agama Islam dan termasuk mana-mana masjid atau surau atau madrasah yang disenaraikan dalam Jadual Ketiga. (Subri, Khafiz, & Mahaiyadin, 2014). Hal ini bermakna surau juga merupakan bangunan yang boleh digunakan untuk kegunaan solat lima waktu, solat Jumaat dan melaksanakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Namun begitu, surau di Malaysia kebiasaannya bersaiz kecil berbanding dengan masjid dan hanya terdapat beberapa surau yang dibenarkan untuk solat Jumaat oleh Jabatan Agama Islam Negeri atas alasan masjid yang sedia ada agak jauh daripada penempatan orang Islam.

Tempat ibadat yang khusus untuk orang Islam di Malaysia umumnya dikenali sebagai masjid dan surau. Namun begitu, masjid dan surau ini boleh dihadiri dan dilawati oleh orang bukan beragama Islam dengan syarat mereka mematuhi segala etika dan adab yang telah digariskan oleh pihak berkuasa dalam bidang agama seperti mufti dan pejabat agama sepanjang sesi lawatan atau bersempena program yang dianjurkan. Istilah kedua-dua tempat ibadat ini seolah-olah mempunyai status yang sama dari segi hukum Islam, tetapi hakikatnya adalah berbeza. Secara dasarnya, status masjid tidaklah sama dengan surau kerana masjid dipercayai berfungsi secara makro sebagai tempat beribadat yang konsisten. Manakala surau pula diklasifikasikan sedikit perbezaan walaupun ia juga digunakan sebagai tempat untuk mendirikan solat lima waktu, tetapi ia terhad kepada beberapa acara keagamaan tertentu sahaja dan tidak digunakan untuk solat Jumaat (Irwan, 2014).

Surau merupakan institusi yang menjadi tumpuan orang Islam bagi menunaikan ibadat dan melaksanakan aktiviti keagamaan. Kuliah pengajian agama dalam pelbagai bidang seringkali dianjurkan oleh pihak pengurusan surau bagi memberi kefahaman agama yang tepat terutamanya kepada masyarakat sekitar (Azrin, 2016).

1.1 Latar belakang Masjid Lama Kampung Tuan

Masjid Lama Kampung Tuan, Kemaman merupakan antara masjid yang tertua di negeri Terengganu yang didirikan pada awal kurun ke-19 Masihi. Masjid tersebut terletak di Kampung Tuan, bandar Chukai dalam daerah Kemaman. Perkataan Chukai yang bermaksud cukai dianggap sebagai pusat daerah Kemaman kerana lokasinya yang terlatak di muara sungai Kemaman iaitu laluan utama pusat pengangkutan jalan air ke kawasan tersebut pada suatu ketika dahulu. Masjid ini dahulunya berfungsi sebagai masjid telah dijadikan sebagai masjid warisan kerana pernah dijalankan kerja-kerja konservasi oleh pihak Jabatan Warisan Negara (JWN) pada tahun 2006. Usia Masjid Lama Kampung Tuan kini mencecah ratusan tahun iaitu selama 190 tahun. Pada mulanya masjid ini merupakan sebuah masjid yang dipercayai dibina pada tahun 1830 selari dengan pembukaan Kampung Tuan dan ia dibina oleh Syeikh Abdul Rahman bin Syeikh Abdul Samad Al-Falimbani. Namun begitu, masjid ini dijadikan sebagai sebuah masjid kerana pada ketika itu, Kampung Tuan tidak mempunyai masjid bagi menunaikan solat Jumaat memandangkan jumlah penduduk kampung tersebut adalah ramai. Syeikh Abdul Rahman bin Syeikh Abdul Samad Al-Falimbani juga dikenali sebagai Tuan Mandak dan merupakan seorang ulama sufi yang mengikut jejak langkah bapanya dalam berjuang bagi menegakkan Islam di medan jihad dan menyebarkan dakwah. Beliau mengambil keputusan untuk berundur ke Kemaman setelah bapanya, Syeikh Abdul Samad Al-Falimbani syahid di Patani dalam menentang peperangan Siam-Thai.

Menjelang tahun 1920, sebuah masjid berdekatan dengan Kampung Tuan dibina bagi memudahkan penduduk Kampung Tuan dan masyarakat di sekitarnya menunaikan solat Jumaat dengan keadaan yang selesa. Masjid yang dibina tersebut merupakan Masjid Sultan Ahmad lalu Masjid Lama Kampung Tuan ini berfungsi sebagai surau dan namun panggilannya masih lagi dipanggil sebagai masjid. Hal ini secara tidak langsung menjadikan Masjid Sultan Ahmad sebagai masjid yang diiktiraf untuk menunaikan solat Jumaat kerana ruangnya yang begitu besar dan memberikan keselesaan kepada jemaah masjid. Namun begitu, Masjid Lama Kampung Tuan masih digunakan oleh masyarakat Kampung Tuan sehingga ke hari ini bagi menunaikan solat fardhu secara berjemaah bagi mereka yang mempunyai jarak yang jauh dengan Masjid Sultan Ahmad disamping mereka masih melakukan aktiviti kemasyarakatan di masjid tersebut (Ahmad, 2015).

1.2 Permasalahan Kajian

Sesebuah bangunan yang telah diwartakan sebagai bangunan warisan mempunyai prosedur yang ditetapkan dalam memelihara dan memulihara bangunan tersebut, begitu juga dengan situasi yang berlaku terhadap kerja-kerja pemuliharaan Masjid Lama Kampung Tuan. Hal ini adalah kerana, kerja-kerja memulihara sesuatu bangunan warisan perlulah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) seterusnya perlu mendapatkan kebenaran dan persetujuan oleh pihak berkuasa dalam melakukan sebarang kerja-kerja pemuliharaan terutamanya dalam melibatkan bangunan asal yang dikategorikan warisan di bahagian luar.

Selain itu, kerja-kerja pemuliharaan bangunan Masjid Lama Kampung Tuan dikatakan mengalami penambahan pada struktur binaan asal bangunan. Dalam proses melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan bangunan warisan, pihak yang dipertanggungjawabkan perlu memastikan struktur bangunan tersebut tidak berlaku sebarang permasalahan seperti kehilangan identiti dan keaslian sesuatu bangunan warisan. Sebagai contoh, Masjid Lama Kampung Tuan telah melakukan kerja-kerja pemuliharaan dengan menambah struktur binaan '*awning*' dan '*extension*' yang disambung dengan bangunan asal. Secara tidak langsung, ia menjadikan masjid tersebut kehilangan identiti reka bentuk dan keaslian bangunan warisan.

Seterusnya, kekurangan individu atau kumpulan organisasi Kampung Tuan yang mengambil cakna akan kepentingan garis panduan pemuliharaan Masjid Lama Kampung Tuan. Dalam situasi ini dapat dilihat bahawa majoriti penduduk Kampung Tuan kurang mengambil cakna akan kepentingan garis panduan bangunan warisan yang ada dikeluarkan oleh pihak Jabatan Warisan Negara (JWN). Hal ini sekaligus membuatkan kelompok ini ketandusan idea terutamanya dari golongan belia yang dikatakan mempunyai pemikiran yang bernas dalam memastikan masjid ini dipulihara mengikut prosedur yang betul seterusnya dapat dijadikan warisan dan digunakan oleh generasi yang akan datang.

Hal ini amat penting bagi pengkaji mengetahui kerja-kerja pemuliharaan yang dilakukan sama ada melibatkan organisasi ini sahaja ataupun mempunyai kerjasama dengan masyarakat Kampung Tuan. Antara permasalahan yang timbul ialah ketidakpastian orang awam tentang program atau aktiviti yang dilakukan dalam usaha memupuk masyarakat tentang kepentingan pemuliharaan bangunan warisan sekaligus menitikberatkan pemuliharaan dengan mengikut piawaian yang betul.

Boleh dikatakan bahawa Masjid Lama Kampung Tuan mempunyai banyak permasalahan berkaitan dengan kerja-kerja pemuliharaan yang dikatakan membuat penambahbaikan atau penyambungan sesuatu struktur bangunan dengan bangunan yang asal. Hal ini secara tidak langsung menjadikan bangunan Masjid Lama Kampung Tuan tidak kelihatan unik dari segi reka bentuk binaannya seterusnya menjadikan ia kehilangan identiti bangunan warisan yang sebenar seterusnya mempunyai kekurangan daya tarikan dalam mempromosikan keunikan senibinanya. Tambahan pula, masih terdapat masyarakat di sekitar kawasan bandar Chukai yang tidak mengetahui sepenuhnya proses pemuliharaan bangunan warisan yang betul dengan mengikut garis panduan yang telah dinyatakan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN). Selain itu, mereka juga beranggapan bahawa konsep memulihara ini adalah dengan sekadar membersihkan bahagian yang terdapat pada bahagian dalaman Masjid Lama Kampung Tuan sahaja sehingga mengabaikan konsep pemuliharaan bangunan warisan yang sebenar.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan, persoalan kajian ini diutarakan bagi menjawab objektif tersebut. Antara persoalan kajian yang diperolehi adalah:



1. Adakah penduduk Kampung Tuan dikenakan tindakan oleh pihak Jabatan Warisan Negara (JWN) kerana melakukan pemuliharaan yang tidak mengikut prosedur pemuliharaan yang ditetapkan?
2. Bagaimanakah kerja-kerja pemuliharaan yang pernah dilakukan keatas Masjid Lama Kampung Tuan?
3. Siapakah yang bertanggungjawab dalam menjaga Masjid Lama Kampung Tuan selain daripada pihak Jabatan Warisan Negara (JWN)?

1.4 Objektif Kajian

Untuk memastikan kajian berjalan dengan lancar, terdapat tiga objektif kajian yang diperolehi oleh pengkaji agar dapat mencapai sasaran dan matlamat yang diingini iaitu:

1. Mengenalpasti sama ada pemuliharaan bangunan Masjid Lama Kampung Tuan mengikut piawaian atau standard yang betul ataupun tidak.
2. Membincangkan kerja-kerja pemuliharaan yang pernah dijalankan keatas Masjid Lama Kampung Tuan.
3. Mencadangkan penjagaan rapi kepada penduduk Kampung Tuan terhadap Masjid Lama Kampung Tuan dengan mengikut prosedur yang betul.

1.5 Lokasi Kajian



Gambar 1.0 Lokasi Masjid Lama Kampung Tuan, Kemaman, Terengganu

Lokasi kajian yang dijalankan oleh pengkaji ialah di Masjid Lama Kampung Tuan, 24000 Chukai, Kemaman. Kedudukannya pula dikatakan berhampiran dengan Sungai Limbong, Kemaman. Jarak di antara Masjid Lama Kampung Tuan dengan rumah pengkaji dianggarkan sejauh 100 kilometer (KM) dan memakan masa hampir 2 jam 20 minit untuk tiba ke lokasi tersebut.

1.6 Skop Kajian

Pengkaji menghadkan kajian yang dilakukan di Kampung Tuan, bandar Chukai, Kemaman, Terengganu yang merupakan satu-satunya masjid tertua di negeri itu. Memandangkan masjid ini merupakan masjid yang mempunyai senarai sebagai tapak warisan di Malaysia, ia perlulah dilakukan kajian secara lebih mendalam bagi meningkatkan kesedaran tentang nilai warisan dalam diri masyarakat.

Kajian ini adalah bertujuan untuk mendidik diri pengkaji sendiri disamping masyarakat Terengganu mengenai kepentingan nilai warisan dalam bentuk bangunan yang dikategorikan sebagai warisan ketara terutamanya dalam konsep memulihara masjid tersebut. Oleh hal demikian, terdapat tiga objektif yang diperolehi daripada kajian ini iaitu mengenalpasti sama ada penambahan bangunan pada Masjid Lama Kampung Tuan mengikut piawaian atau standard yang betul ataupun tidak, membincangkan kerja-kerja pemuliharaan yang pernah dijalankan keatas Masjid Lama Kampung Tuan dan mencadangkan penjagaan rapi kepada penduduk Kampung Tuan terhadap Masjid Lama Kampung Tuan dengan mengikut prosedur yang betul.

Dengan kata lain, kajian ini lebih memfokuskan kepada garis panduan atau piawaian yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Warisan Negara (JWN) dalam menentukan penambahbaikan sesebuah bangunan yang telah diiktiraf sebagai bangunan warisan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengetahui kerja-kerja pemuliharaan yang pernah dijalankan keatas Masjid Lama Kampung Tuan serta keupayaan pemuliharaan struktur senibina bangunan Masjid Lama Kampung Tuan. Hal ini adalah kerana, Masjid Lama Kampung Tuan merupakan masjid yang tertua di Terengganu dan seharusnya masyarakat setempat perlu bekerjasama dengan pihak berkuasa seperti JWN supaya menitikberatkan usaha dalam memulihara masjid ini agar ia sentiasa terpelihara untuk dijadikan warisan kepada generasi yang akan datang.

MALAYSIA
KELANTAN

1.7 Kepentingan Kajian

Antara kepentingan yang diperolehi daripada kajian yang dilakukan ini termasuklah mengetahui jenis penambahan struktur bangunan yang disambung dengan fasad bangunan Masjid Lama Kampung Tuan dengan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) ataupun tidak. Kajian ini juga berperanan dalam membincangkan contoh-contoh kerja pemuliharaan yang pernah dijalankan keatas Masjid Lama Kampung Tuan oleh pihak yang bertanggungjawab seperti JWN dan masyarakat Kampung Tuan sendiri.

Selain itu, memberi pendedahan dan rujukan kepada pengkaji yang akan datang. Hal ini adalah kerana, tidak ramai pengkaji yang mengkaji mengenai struktur bangunan masjid yang ditambahbaik dan dilaksanakan kerja-kerja pemuliharaan setelah ia diwartakan oleh Jabatan Warisan Negara. Sesuatu bangunan yang telah diwartakan oleh JWN tidak seharusnya mendapat kelulusan dari pihak tersebut dan sekiranya diluluskan, ia perlu mengikut prosedur-prosedur dan tempoh yang telah ditetapkan. Dalam hal ini, pengkaji mempercayai bahawa masih ramai masyarakat di luar sana yang tidak mengetahui kaedah yang betul dalam membangunkan atau menambahbaik struktur sesuatu bangunan yang telah diwartakan sebagai bangunan atau monumen warisan.

1.8 Kesimpulan

Bangunan Masjid Lama Kampung Tuan yang terletak di bandar Chukai, Kemaman di negeri Terengganu ini mempunyai sejarah dan keunikan warisan yang tersendiri. Sebagai bukti, masjid ini telah dilaksanakan kerja-kerja konservasi oleh pihak Jabatan Warisan Negara (JWN) pada tahun 2006 dan telah diiktiraf sebagai tapak warisan dunia memandangkan usia surau tersebut telah menjangkau usia lebih 100 tahun. Namun begitu, bangunan yang dilihat pada masa kini tidak sama lagi dengan bangunan yang mula-mula dibina kerana ia telah kehilangan sebahagian daripada keasliannya terhadap seni bina bangunan tersebut. Hal ini adalah kerana, terdapatnya penambahan struktur bangunan yang disambungkan dengan bangunan surau yang asal dan terdapat juga kerja-kerja baik pulih pada bahagian atap Masjid Lama Kampung Tuan.

Tanpa kita menyedari, masih terdapat bangunan masjid di Malaysia yang dikategorikan sebagai bangunan warisan dalam mengekalkan identiti bangunan tersebut agar ia terus dipelihara melalui kaedah yang betul. Namun begitu, sebagai masyarakat yang prihatin terhadap sesuatu pengekalan identiti sesebuah negeri dan negara, kita seharusnya tidak terlalu bergantung kepada usaha yang dilakukan dari kerajaan. Hal ini kerana, dalam memastikan sesebuah bangunan warisan dapat dipelihara dan dikekalkan, ianya memerlukan kerjasama dari semua pihak untuk terus berganding bahu bagi menjayakannya disamping ia boleh dijadikan sebagai warisan kepada generasi yang akan datang.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan mengenai kajian lepas atau kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu berkenaan tajuk atau skop kajian pilihan mereka. Kajian mereka seharusnya berdasarkan kepada pemahaman sesuatu bidang yang ingin dikaji agar kajian tersebut lebih terperinci dan berilmiah seterusnya menjadi bukti dan rujukan kepada pengkaji akan datang. Kajian terdahulu juga merupakan analisa yang dilakukan oleh pengkaji terhadap sesuatu perkara mengikut penelitian yang sedang dilakukan terhadap topik khusus yang dijalankan. Ia juga mampu menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh pengkaji dalam merujuk bahan-bahan ilmiah bagi mendapatkan data dan sesuatu maklumat berkaitan kajian yang dilaksanakan. Antara kajian terdahulu yang dijadikan sebagai rujukan ilmiah kepada pengkaji ialah artikel, jurnal, buku, penyelidikan-penyelidikan lepas (tesis) dan laman web ilmiah seperti google scholar dan academia.

2.1 Sorotan Kajian Lepas

2.1.1 Konsep Pemuliharaan

Menurut Norlizaiha (2020), pemuliharaan merupakan aktiviti memulihara dan mengekalkan warisan sejarah sama ada warisan tersebut dikategorikan sebagai warisan yang ketara ataupun tidak ketara. Apa yang dimaksudkan dengan warisan ketara ialah sesuatu warisan yang boleh dilihat dan dipegang sama ada ia boleh dipindahkan ataupun tidak. Antara warisan ketara yang dikategorikan sebagai statik ataupun dengan kata lain tidak boleh dipindahkan

Konsep pemuliharaan mempunyai maksud yang luas dan pelbagai. Dalam hal ini, ia membawa dua maksud iaitu pulih dan pelihara yang membawa maksud penjagaan terhadap sesuatu daripada rosak atau diubah tanpa sebarang perancangan yang teliti. Apa yang dimaksudkan dengan penjagaan terhadap sesuatu yang rosak ialah warisan yang meliputi sumber sama ada ia terdiri daripada sumber alam semulajadi atau sumber alam bina. Pemuliharaan sumber semulajadi merangkumi sumber seperti air, udara, tanah, flora dan fauna, bahan mentah serta sumber-sumber asli yang lain yang digunakan oleh

manusia sebagai keperluan hidup. Manakala, pemuliharaan sumber alam bina merangkumi pengekalan dan pemuliharaan bangunan atau monumen yang bersejarah serta barangan antik atau artifak seni.

Namun begitu, pemuliharaan sumber alam turut mempunyai dua kategori iaitu pemuliharaan bangunan individu dan pemuliharaan kawasan. Binaan monumen termasuk di dalam kategori pemuliharaan individu. Pemuliharaan ini membawa maksud menjaga dan memulihara harta dan warisan lama yang dipercayai mempunyai sejarah dan nilai seni bina. Pemuliharaan kawasan pula membawa maksud satu lokasi yang mempunyai elemen bangunan dan monumen yang bersejarah yang mempunyai keunikannya yang tersendiri terutama dari segi sejarah dan seni bina serta kepentingan sejarah yang perlu dikekalkan dan dipelihara. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan lagi kecantikan sedia ada yang terdapat di kawasan itu.

Terdapat juga makna lain yang memberi maksud kepada pemuliharaan. Menurut Burden, (2004) beliau mendefinisikan pemuliharaan ini sebagai kerja-kerja baik pulih semula bahagian tapak tanah yang bersejarah dan monumen kepada seni bina dan bahan binaan yang hampir sama dengan yang asal ketika mana ia mula dibina pada suatu ketika dahulu.

2.1.2 Pengenalan Akta

Melalui pengenalan Akta Warisan Kebangsaan 2005 yang juga dikenali sebagai Akta Warisan Kebangsaan, ia meliputi warisan budaya yang terbahagi kepada warisan ketara dan warisan tidak ketara, warisan semulajadi dan warisan budaya bawah air. Akta ini merangkumi semua perkara perundangan yang berkaitan dengan pemuliharaan dan ia dibawah bidang kuasa kerajaan yang diuruskan bersama dengan Jabatan Warisan Negara (JWN). Dengan wujudnya Akta Warisan ini secara tidak langsung memberi panduan yang lebih jelas bagi melaksanakan pengurusan secara sistematik dan lebih berkesan dalam memulihara warisan negara (Yuszaidy, Hanapi & Samad, 2013). Melalui akta ini juga ia jelas menunjukkan bahawa sesuatu agensi dan pihak lain tidak boleh sewenang-wenangnya membuat dakwaan bahawa sesuatu objek warisan itu milik mereka seterusnya bertindak untuk campur tangan dalam proses pelaksanaan konservasi sesuatu bangunan warisan kecuali setelah mendapat kebenaran dan surat hitam putih dari pihak JWN.

Kerajaan telah mengambil tindakan yang sepatutnya apabila melihat kemampuan Jabatan Muzium Malaysia begitu terbeban dengan tugas dan tanggungjawabnya dalam memberi perhatian terhadap kepentingan perlindungan warisan. Oleh sebab itu, pihak kerajaan telah menubuhkan satu kementerian yang khusus berkenaan warisan budaya sebelum tahun 2006. Kementerian yang dimaksudkan ialah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan dan Warisan (Norliza & Eddin, 2009).

Menurut Yuszaidy, Dollah & Samad (2017), Seksyen 58 (1) (f) membolehkan pihak berkuasa tempatan memberi perlindungan bagi monumen, tanah dan bangunan yang mempunyai kepentingan sejarah atau seni binanya. Pihak berkuasa tempatan mempunyai hak untuk melakukan kerja-kerja pemuliharaan dari segi memperbaiki kerosakan, mengecat semula dan menjaga daripada pencerobohan pembangunan. Oleh itu, Akta 172 dapat menghalang pihak pemaju bagi membuat sebarang pengubahsuaian dan pencerobohan kawasan-kawasan yang telah diberi larangan oleh pihak berkuasa tempatan. Larangan ini dapat mengekalkan kedudukan monumen lama, bangunan yang mempunyai kepentingan sejarah dan tapak tanah bersejarah daripada kerosakan atau kemusnahan kerana memerlukan kebenaran terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan.

Merujuk kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa (1976) (Akta 172), kesalahan atau hukuman denda yang dikenakan kepada penceroboh pada bangunan dan pemaju yang tidak dibenarkan. Ia juga turut disebutkan di dalam Seksyen 26 Akta 172 turut menyatakan secara khusus setiap kesalahan yang dilakukan terutamanya yang berkaitan dengan aktiviti pada kawasan atau bangunan yang tidak dibenarkan. Antara penjelasan yang jelas termaktub di dalam Seksyen 26 ini yang mempunyai perkaitan dengan kajian kes di Masjid Lama Kampung Tuan termasuklah menggunakan atau membenarkan untuk digunakan mana-mana tanah atau bangunan yang berlanggaran dengan Seksyen 18. Dalam Seksyen 26 ini turut menekankan denda dan hukuman yang akan dikenakan kepada pesalah atau penceroboh yang memasuki kawasan yang tidak dibenarkan untuk melakukan sebarang kerja-kerja yang berkaitan dengan kemusnahan atau pengubahsuaian bangunan. Sekiranya hal ini berlaku sedemikian, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) secara tidak langsung akan mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas terhadap mana-mana kesalahan yang dilakukan. Antara tindakan yang dikenakan ialah denda yang tidak melebihi RM 500,00 atau dipenjarakan selama tempoh yang tidak

melebihi dua tahun atau kedua-duanya ke atas sesuatu kesalahan yang disabitkan. Manakala kesalahan yang berterusan pula boleh dikenakan denda dengan penambahan RM 5,000 pada setiap kesalahan yang dilakukan selepas disabitkan dengan kesalahan yang pertama.

Mengikut Seksyen 41 (1) membolehkan Pesuruhjaya mengeluarkan perintah pemeliharaan sesuatu monumen keatas pemunya monumen bagi menjelaskan maksud memulihara dan memelihara tapak warisan. Namun begitu, Pesuruhjaya perlu bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan bagi mendapatkan persetujuan daripada pihak terbabit supaya bersetuju dengan kenyataan bahawa mana-mana monumen yang dianggap sesuai untuk didaftarkan sebagai tapak warisan mestilah dalam keadaan yang sepatutnya. Sebagai contoh, monumen tersebut perlulah bersifat usang atau dalam bahaya yang hampir dirobuhkan, dimusnahkan, dirosakkan atau diubah. Oleh sebab itu, Pesuruhjaya perlulah menyampaikan kepada pemunya monumen itu tentang Perintah Pemeliharaan Monumen sementara menunggu kelulusan daripada pendaftar. Begitu juga yang dinyatakan pada Seksyen 41 (2) dan Seksyen 41 (3) pula menyatakan perintah pemeliharaan monumen ini mestilah mengandungi apa-apa syarat sepertimana yang dinyatakan dan ia perlulah berkuat kuasa sebaik sahaja perintah itu disampaikan kepada pemunya monumen tersebut. (Yuszaidy, Dollah & Samad, 2017).

2.1.3 Penyelenggaraan Bangunan

Sesebuah bangunan memerlukan pengurusan yang sistematik dan penyelenggaraan yang berkonsisten. Hal ini adalah bagi mengelakkan bangunan menjadi mudah usang seterusnya menjadi beban kepada pemilik. Oleh sebab itu, sudah semestinya penyelenggaraan bangunan mestilah dilakukan secara terancang bagi melindungi dan mengelakkan pelaburan bagi sesebuah organisasi pemilikan bangunan (Hamilton & Wan Salleh, 2001). Namun begitu, kerja-kerja konservasi mempunyai pendekatan yang tersendiri mengikut kesesuaian sesuatu kerosakan bagi ditambahbaik seperti proses pemeliharaan, pemuliharaan, penyelenggaraan dan pembinaan semula. Pendekatan ini sudah termaktub di dalam Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan oleh Jabatan Warisan Negara yang telah diterbitkan pada tahun 2016. Namun begitu, dalam situasi kajian ini, ia lebih menjuruskan kepada kerja-kerja konservasi pemuliharaan yang dibaikpulih keadaan struktur

untuk menjadikannya selamat, boleh didiami atau berguna. Selain itu juga, penyelenggaraan biasa atau pembaikan kecil tidak mengubah rupa atau sejarah sesuatu bangunan warisan.

Pemuliharaan telah dikenalpasti sebagai satu tindakan atau kerja-kerja yang berkaitan dengan pembaikan dan penyelenggaraan. Setiap kerja pemuliharaan bergantung pada keadaan tertentu. Hal ini adalah bagi mengelakkan ia menyebabkan kehilangan nilai dalam harta budaya sesuai dengan Piagam Antarabangsa seperti Piagam Venice yang dikeluarkan pada tahun 1964 dan Piagam Burra (1999) yang bertujuan untuk melestarikan warisan. Menurut Ahmad (2006), kerja-kerja pemuliharaan ini akan berjaya dijalankan sekiranya ia mematuhi prinsip asas pemuliharaan. Oleh hal yang sedemikian, pemuliharaan warisan seharusnya dilakukan dengan baik mengikut teknik dan kaedah pemuliharaan yang betul.

2.1.4 Punca Kerosakan Bangunan Warisan

Kebanyakan bangunan yang dikategorikan sebagai warisan kini mengalami kerosakan yang disebabkan oleh faktor-faktor estrusif iaitu faktor luaran mahupun faktor intrusif iaitu kelemahan yang berlaku dari mineral. Menurut Ghafar (1994), terdapat pelbagai permasalahan yang lain timbul dalam melakukan kajian terhadap kerja-kerja pemuliharaan ini. Antara permasalahan yang dihadapi adalah seperti kesukaran untuk mencari punca yang menyebabkan kecacatan pada bangunan kajian. Selain itu, kecacatan dan kemusnahan pada bangunan yang semakin menular, kesukaran untuk menentukan bahan-bahan asli kerana telah banyak adaptasi yang dilakukan. Akhir sekali, kesukaran untuk membuat rujukan menjadi punca keterlewatan dalam menjalankan kerja-kerja pemuliharaan. Perkara ini berlaku kerana bangunan-bangunan warisan ini dibina tanpa berpandukan spesifikasi lukisan. Oleh kerana itu, segala faktor kerosakan sesuatu bangunan warisan dan permasalahan yang timbul seharusnya diambil tindakan yang serius dan drastik bagi mengekalkan bangunan warisan yang terdapat di Malaysia.

KELANTAN

2.1.5 Pengurusan Masjid

Perubahan masa dan zaman memberi implikasi kepada pengurusan masjid yang perlu ditangani secara profesional (Roslan, 2008). Apa yang dimaksudkan sebagai profesional ini ialah Imam, Bilal dan Tok Siak yang merupakan individu terpenting dalam menjaga dan menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan insitusi surau dan masjid. Hal ini adalah kerana pengurusan yang profesional perlu bermula daripada peringkat pemilihan Ahli Jawatankuasa Masjid (AJK). Melalui pemillihan AJK ini secara tidak langsung berperanan dalam menggerakkan segala kegiatan urus tadbir masjid. Ia bukan sahaja berfungsi dalam organisasi masjid sahaja, malah turut berfungsi kepada institusi surau walaupun saiznya yang sedikit kecil berbanding dengan masjid. Namun begitu, pelantikan ahli yang dalam kalangan masyarakat setempat yang kurang berminat dan kekurangan ilmu dalam pentadbiran sekaligus menambahkan kesulitan kepada institusi tersebut terutamanya dalam jangka masa yang lama. Sebagai contoh, sekiranya Masjid Lama Kampung Tuan itu tidak mempunyai AJK yang berilmu pengetahuan tentang panduan dan syarat pembaikpulihan bangunan masjid yang merupakan di bawah bidang JWN, mereka secara tidak langsung akan melanggar garis panduan yang telah ditetapkan. Ini menyebabkan institusi warisan akan kehilangan identiti dan keunikannya yang tersendiri. Oleh sebab itu, dalam pelantikan dan pemilihan AJK dalam sesebuah institusi perlu memilih mereka yang berminat dan berilmu agar institusi tersebut sering dipelihara dengan sebaik yang mungkin tanpa berlaku sebarang kerosakan yang serius. Dalam situasi ini, pengkaji akan menanyakan beberapa soalan yang berkaitan dengan penambahan struktur pada bangunan Masjid Lama Kampung Tuan seperti “Bolehkah saya mengetahui struktur pembinaan yang telah dilaksanakan keatas Masjid Lama Kampung Tuan?”. Selain itu, soalnya mempunyai perkaitan dengan ilmu yang dimiliki oleh penduduk Kampung Tuan mengenai kerjasama mereka dengan pihak JWN iaitu “Adakah pihak Tuan mengetahui akan garis panduan mengenai konservasi bangunan yang telah dikeluarkan oleh pihak JWN?” dan akhir sekali “Apakah ada tindakan yang dikenakan kepada penduduk Kampung Tuan kerana melakukan penambahbaikan pembinaan pada struktur bangunan masjid tersebut?”

2.1.6 Etika Pemuliharaan

Dalam melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan, etika pemuliharaan pada struktur binaan Masjid Lama Kampung Tuan perlulah dititikberatkan dengan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh JWN. Menurut (Fielden 2000), antara etika pemuliharaan yang mesti dipatuhi ketika kerja pemuliharaan sedang dijalankan adalah seperti berikut: Keadaan bangunan warisan hendaklah direkodkan sebelum sebarang kerja pemuliharaan dijalankan. Dalam situasi ini juga pengkaji boleh mengajukan beberapa soalan yang berkaitan dengan pemuliharaan yang telah dilakukan oleh penduduk Kampung Tuan mengenai struktur penambahan. Sebagai contoh, "Adakah pihak tuan mengetahui akan garis panduan mengenai konservasi bangunan yang telah dikeluarkan oleh pihak Jabatan Warisan Negara (JWN)? Sebagai penduduk yang begitu memahami dengan jelas konsep konservasi, mereka seharusnya mengambil cakna akan setiap proses penambahbaikan bangunan masjid di kampung mereka bagi mengelakkan sesuatu perkara yang tidak diingini berlaku memandangkan ia merupakan hak JWN. Apa yang boleh dirumuskan melalui etika yang dikemukakan oleh Fielden ini adalah ia memerlukan penelitian yang sepenuhnya dalam memastikan sesuatu objek atau bangunan warisan itu sentiasa dalam keadaan yang baik. Hal ini adalah bertujuan sebagai kegunaan dan seterusnya menjadi tatapan kepada generasi yang akan datang bagi mengenali warisan yang sedia ada di Malaysia.

Menurut Syed Zainol (1996), peranan kerajaan tempatan sangat penting dalam pemuliharaan bandar kerana dalam konteks sistem kerajaan di Malaysia ialah kerajaan tempatan lebih dilihat sebagai agensi pelaksana dasar perancangan yang telah dibuat di peringkat negeri dan pusat. Selain itu, kerajaan tempatan juga mempunyai kekuatan dari segi peruntukan perundangan terutamanya bagi kawasan-kawasan yang termaktub dalam Rancangan Tempatan. Hal ini adalah kerana, Kerajaan Tempatan mempunyai peranan dan tanggungjawabnya yang tersendiri dalam menguruskan sesuatu bangunan yang terdapat di bawah kuasa penguasaan sesuatu tempat mengikut kehendaknya dengan berpandukan garis panduan yang telah ditetapkan agar ia tidak bertentangan dengan prinsip utama sesebuah panduan dan akta bangunan yang wujud.

Penilaian Prestasi Kemudahan (PPK) merupakan salah satu contoh penilaian berkenaan dengan prestasi atau keberkesanan sesuatu pembinaan. Dalam bidang profesion, ia dianggap sebagai disiplin pengurusan fasiliti

sebagai alat jaminan kualiti yang melibatkan proses penilaian yang berterusan dan sistematik. PPK turut memberikan maklum balas terhadap proses reka bentuk seterusnya mengenal pasti peluang untuk membina penambahbaikan berhubung dengan isu seperti kebolehcapaian, estetika, keberkesanan kos, fungsi, produktiviti, keselamatan dan kelestarian (Zimring, Rashid, & Kampschroer, 2010).

2.1.7 Peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Merujuk kepada Yuszaidy, Hanapi & Samad (2013), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diberi mandat atau kuasa peruntukan dalam melarang pembangunan tanpa ada kebenaran perancangan daripada pihak berkuasa. Larangan ini perlu dipatuhi oleh setiap pihak pemaju sekiranya kebenaran pembangunan tidak disediakan. Kerja-kerja terhadap bangunan bersejarah adalah tertakluk kepada larangan terhadap pemaju tanpa kebenaran dalam merancang melainkan mereka mendapat kelulusan secara bertulis daripada PBT. Ia juga berlandaskan kepada subseksyen (1) iaitu kebenaran merancang yang tidak memerlukan kerja penyenggaraan, pengelohan atau apa-apa perubahan lain bagi sesuatu bangunan iaitu kerja-kerja berkaitan dengan sentuhan hanya dibenarkan dilaksana pada bahagian dalaman bangunan sahaja. Selain itu, ia juga perlu dielakkan daripada kerja-kerja yang melibatkan perubahan tentang penggunaan bangunan itu sendiri atau tanah yang menyebabkan sesuatu bangunan itu bercantum. Sebagai contoh, penambahan struktur bangunan Masjid Lama Kampung Tuan pada bahagian dinding masjid tersebut menyebabkan satu bangunan warisan yang diiktiraf oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) sebagai warisan dengan struktur penambahan yang lain bercantum antara satu sama lain. Penambahan struktur ini dipanggil sebagai '*awning*' yang merupakan atap yang dibina pada laluan pejalan kaki disamping terdapat penambahan '*extension*' yang ditambah pada ruang baru belakang untuk dijadikan sebagai ruang penyimpanan barangan masjid. Melalui struktur penyambungan pada bangunan asal menyebabkan Masjid Lama Kampung Tuan ini kehilangan serba sedikit identitinya dan keunikannya melainkan ia diasingkan dengan jarak yang sepatutnya daripada bangunan asal.

2.2 Perbincangan Kritikan

Tidak dinafikan bahawa kebanyakan kajian terdahulu mempunyai data dan maklumat yang mencukupi mengenai kajian yang dijalankan. Namun begitu, terdapat juga sesetengah kajian yang tidak mendapat maklumat sepenuhnya disebabkan hal-hal yang tertentu seperti ketiadaan data dan maklumat sesuatu perkara dalam bentuk dokumentasi. Hal ini adalah kerana, terdapat pengkaji yang tidak dapat menemubual responden yang terlibat secara langsung dalam sesuatu peristiwa. Sekiranya pengkaji mendapat maklumat daripada responden, masih terdapat perbualan yang hanya ditokok tambah bagi menyedapkan sesebuah cerita dan secara tidak langsung, fakta yang terawal tidak akan diketahui oleh para pengkaji yang akan datang.

Antara tesis yang boleh dijadikan rujukan kepada pengkaji walaupun rujukan tersebut mempunyai kelemahannya yang tersendiri ialah artikel yang berkaitan dengan akta iaitu Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan Sepintas Lalu (Yusoff, Dollah & Ab Samad, 2011). Artikel ini pada mulanya menterjemahkan definisi warisan, budaya dan warisan budaya. Malah, ia juga turut menekankan akta-akta perundangan mengenai warisan budaya agar memudahkan pengkaji akan datang untuk mengetahui serba sedikit mengenai akta yang telah termaktub dalam aspek warisan. Namun begitu, akta-akta ini turut mempunyai kelemahannya yang tersendiri kerana tidak semua akta boleh dilaksanakan mengikut situasi dalam sesebuah tempat di negara Malaysia. Hal ini dibuktikan lagi apabila wujudnya akta perundangan mengenai warisan budaya yang dikuatkuasakan dan dilaksanakan secara berasingan kerana ia berdasarkan kepentingan sesebuah organisasi dan tanggungjawab bagi menyelia dan mengawal warisan budaya tersebut. Jika dilihat melalui mata kasar, ia mempunyai kelebihan dan kelemahan yang tersendiri sekiranya sesuatu organisasi dalam sesebuah tempat seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menguruskan sesebuah akta tersebut tanpa melibatkan campur tangan daripada pihak lain. Namun begitu, apa yang lebih menyedihkan apabila akta yang sedia ada digunapakai, maka akta yang telah diwartakan oleh PBT dan kerajaan dimansuhkan dan tidak diterimapakai.

Selain itu, Masjid Lama Kampung Tuan yang dahulunya dinaiktaraf sebagai sebuah masjid kerana ketiadaan masjid bagi menunaikan Solat Jumaat, kini ditukar kepada sebuah surau. Hal ini adalah kerana, Kampung Tuan sudah mempunyai masjid yang dinamakan sebagai Masjid Sultan Ahmad

yang dibina tidak terlalu jauh dengan Masjid Lama Kampung Tuan. Namun begitu, apa yang boleh dirumuskan berdasarkan artikel Ruang Dalaman Masjid Tradisional: Masjid Semenanjung ini ialah artikelnya tidak menekankan akan perubahan fungsi Masjid Lama Kampung Tuan yang dahulunya berfungsi sebagai surau berikutan masjid baharu telah siap dibina. Artikel ini sekadar menceritakan tentang bilangan jemaah masjid yang semakin menyusut berikutan terbinanya masjid moden yang lebih besar pada tahun 1920 (Ahmad, 2015). Hal ini secara tidak langsung menjadikan pengkaji kekurangan maklumat mengenai masjid baharu dan sebarang kerja-kerja pemuliharaan yang dijalankan di Masjid Lama Kampung Tuan sama ada ia masih diteruskan setelah ia mengalami proses konservasi oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) pada tahun 2006 ataupun tidak.

2.3 Kepentingan Pemuliharaan

Menurut Ariffin (2005), Malaysia begitu kaya dengan peninggalan bangunan bersejarah yang tidak ternilai harganya. Oleh kerana itu, masyarakat perlu mempunyai kesedaran akan kepentingan pemuliharaan di Malaysia kerana ia merupakan tanggungjawab yang mesti dipikul oleh setiap individu. Sebagai contoh, masyarakat di bandar Chukai ini perlu mengambil cakna akan pemuliharaan bangunan masjid yang dikategorikan sebagai bangunan warisan. Hal ini demikian kerana, bangunan bersejarah memiliki ciri-ciri reka bentuk seni bina yang menarik, elemen yang unik dan nilai estetik yang seharusnya diwarisi hingga ke generasi yang akan datang. Oleh sebab itu, usaha yang mampan dalam proses memulihara bangunan masjid ini mesti dilakukan bagi memberi peluang kepada generasi akan datang untuk diwarisi sekaligus dapat dinikmati oleh mereka sepertimana generasi sekarang menikmati.

Merujuk kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (1996), terdapat beberapa kepentingan pemuliharaan bangunan bersejarah seperti dapat mengekalkan nilai-nilai warisan budaya yang merupakan sebagai langkah ke arah pembentukan identiti reka bentuk tempatan. Hal ini boleh dikatakan dengan kepelbagaian reka bentuk mahupun ukiran yang sering digunakan dalam sesuatu bangunan warisan yang sering menggunakan bahan seperti kayu untuk menampakkan ciri-ciri tradisional Melayu. Ukiran-ukiran ini juga mempunyai maksudnya yang tersendiri sekaligus menjadikannya sebagai

identiti masyarakat Malaysia di sesuatu tempat. Sebagai contoh, terdapat penggunaan bumbung yang dibina empat lapis dengan menggunakan atap senggora yang dikatakan dibawa dari Kerajaan Siam, di Thailand dan di atas puncaknya diletakkan replika buah butong yang diperbuat daripada tembaga. Selain itu, ia dapat meningkatkan taraf bangunan bersejarah dari masalah seperti kadar keusangan yang tinggi dan kurang penyelenggaraan. Hal ini sememangnya tidak dapat dinafikan lagi kerana dalam situasi kajian ini, jelas sekali dilihat bahawa walaupun Masjid Kampung Tuan ini telah ditukarkan nama dan fungsinya kepada yang lebih kecil iaitu masjid, ia tetap digunakan oleh penduduk Kampung Tuan itu sendiri. Selain ia diangkat menjadi bangunan warisan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN), tetapi dalam masa yang sama jumlah kariah yang semakin berkurangan setelah dibangunkan masjid baharu, ia masih digunakan bagi mengelakkan bangunan ini kelihatan usang dan terbiar. Justeru itu, dengan adanya inisiatif dari pihak JWN dapat mengurangkan kadar keusangan sesebuah bangunan warisan.

Kepentingan pemuliharaan ini secara tidak langsung memberi manfaat kepada bangunan warisan. Antara kepentingan sumbangan bangunan warisan termasuklah menjaga kepentingan seni bina dan kebudayaan. Sebagai contoh, inovasi teknologi dan keunggulan penciptaan merupakan aspek teknikal yang penting dan perlu diambil kira dalam mengiktiraf kepentingan warisan sesebuah bangunan.

2.4 Rumusan Bab

Sebagai kesimpulan, kajian terdahulu merupakan aspek yang penting dalam menyiapkan sebuah tesis. Hal ini adalah kerana, untuk mendapatkan maklumat dan data mengenai sesuatu kajian, pengkaji perlu mendapatkan kajian-kajian yang terdahulu sebagai sumber rujukan ilmiah bagi mengelakkan berlakunya ketidaktepatan data kajian. Walaupun terdapat juga kajian terdahulu yang tidak mempunyai maklumat yang tepat mengenai sesuatu isu, ia bukanlah satu permasalahan yang besar kepada pengkaji masa kini kerana pengkaji terdahulu berkemungkinan mempunyai masalah dalam mendapatkan maklumat melalui informan mahupun responden. Dalam bab ini banyak membincangkan mengenai perundangan bangunan warisan dan kerja-kerja pemuliharaan yang pernah dijalankan keatas Masjid Lama Kampung Tuan. Hal ini adalah kerana, pengkaji lebih memfokuskan kepada pemuliharaan dan perundangan bangunan warisan iaitu Masjid Lama Kampung Tuan, Kemaman yang dikatakan telah menambahbaik struktur binaan yang disambung pada fasad asal masjid tersebut sehingga menyebabkan ia kehilangan keunikan dan identitinya yang tersendiri dari segi reka bentuk bangunan.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian iaitu proses dan kaedah pengumpulan data. Dengan kata lain, kaedah dan pendekatan yang digunakan ini adalah bagi mencapai objektif dan matlamat kajian. Secara tidak langsung, metodologi kajian ini menjadikan kajian yang dijalankan oleh pengkaji lebih bersistematik dan tersusun. Oleh sebab itu, sesuatu kajian perlu mempunyai metodologi kajian bagi mendapatkan data dan maklumat yang tepat menerusi sumber yang sahih.

Menurut Hornby (1985), metodologi merupakan satu set kaedah yang digunakan dalam menjalankan kajian keatas subjek kajian, instrumen kajian dan langkah dalam menganalisis data bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dikemukakan lebih awal.

Dalam metodologi kajian ini, pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan kualitatif. Bagi kaedah kualitatif, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan kepustakaan. Melalui kaedah pemerhatian, pengkaji akan ke tempat kajian bagi melihat sendiri struktur bangunan Masjid Lama Kampung Tuan. Manakala untuk kaedah temu bual pula, pengkaji mengambil inisiatif untuk menemu bual sendiri informan yang tinggal di Kampung Tuan bagi mengetahui sejarah, latar belakang dan kerja-kerja pemuliharaan yang pernah dijalankan keatas Masjid Lama Kampung Tuan. Begitu juga dengan kaedah kepustakaan, pengkaji akan kepustakaan untuk merujuk buku, jurnal dan artikel mengenai tajuk kajian yang berkaitan dengan masjid dan kerja-kerja pemuliharaan yang betul keatas bangunan warisan. Antara tujuan pengkaji melaksanakan kaedah ini adalah untuk mendapatkan data dan maklumat yang sahih. Informan yang ditemu bual pula merupakan mereka yang berpengetahuan dan berpengalaman dalam menguruskan Masjid Lama Kampung Tuan.

Selain itu, metodologi kajian merupakan sebuah kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan data dan maklumat yang diperolehi untuk digunakan sebagai rujukan dalam sesuatu kajian. Metodologi juga merupakan kaedah yang digunakan agar sesuatu kajian yang dilakukan akan berjalan dengan lebih lancar. Oleh

hal yang demikian, pengkaji akan menggunakan kaedah yang betul dalam mendapatkan maklumat dan data berkaitan dengan kajian.

3.1 Kaedah Kualitatif

Kajian kes dilaksanakan untuk mendapatkan data dan maklumat serta memperoleh pemahaman daripada sesuatu kes. Menurut Creswell (1998), proses pengumpulan data dalam mengenalpasti tapak atau individu, mendapatkan akses dan membina rekod, persampelan bertujuan, mengumpul data, merekod maklumat, menyelesaikan isu-isu lapangan dan menyimpan data.

Kaedah kualitatif juga merupakan kajian bagi mendapatkan data dan maklumat yang bersifat kualitatif. Melalui kaedah ini, data yang diperolehi adalah dengan cara pemerhatian, temu bual dan kepustakaan. Ia juga merupakan satu kajian penyelidikan yang bergantung kepada pandangan informan melalui persoalan yang luas dan umum kemudian pengkaji bertanggungjawab untuk mengumpul data dalam bentuk teks. Antara kajian pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji adalah dengan melihat keadaan bangunan Masjid Lama Kampung Tuan yang dikatakan telah membuat penambahan struktur bangunan seperti 'awning' yang telah ditambah di ruangan tepi masjid. Selain itu, pengkaji juga turut mendapati terdapat stor menyimpan barangan kegunaan Masjid Lama Kampung Tuan yang telah ditambah pada ruang belakang surau tersebut.

Sumber Primer

3.1.1 Pemerhatian

Kaedah pengumpulan data secara pemerhatian ini memberi peluang kepada pengkaji bagi mendapatkan maklumat secara langsung terhadap sesuatu perkara yang ingin dikaji dalam situasi semula jadi (Merriam, 2001). Melalui kaedah pemerhatian, pengkaji melakukan pemerhatian secara langsung dengan turun ke lapangan bagi mendapatkan maklumat mengenai penyelidikan yang dijalankan.

Dalam kaedah ini, pengkaji telah memerhati bahagian bangunan yang dikatakan telah bersambung dengan struktur bangunan asal Masjid Lama Kampung Tuan. Melalui kaedah ini, pengkaji mendapati struktur penambahan pada bangunan masjid yang dimaksudkan tersebut ialah 'awning' seperti atap untuk ruang kaki lima yang telah ditambah pada ruangan tepi masjid seterusnya masjid itu juga ditambah

ruang belakang untuk dibuat stor menyimpan barangan kegunaan Masjid Lama Kampung Tuan yang dikenali sebagai '*extension*'.

3.1.2 Temu bual

Menurut Merriam (2011), kaedah temu bual merupakan sumber yang membolehkan pengkaji mengetahui seterusnya memahami serta mendapatkan pengesahan mengenai kajian yang dikajinya. Tujuan temu bual ini dilaksanakan adalah untuk memudahkan perbualan secara bersemuka antara pengkaji dengan informan secara individu mahupun berkumpulan bagi mendapatkan maklumat atau penjelasan mengenai sesuatu perkara. Namun begitu, pengkaji menggunakan kaedah temu bual ini melalui dua cara iaitu melalui alam maya yang menggunakan aplikasi '*whatsapp*' memandangkan situasi pada ketika itu tidak mengizinkan pengkaji untuk turun ke kajian lapangan ekoran daripada penularan wabak *Coronavirus 19* yang dikenali sebagai *Covid-19*. Pengkaji menemubual informan Encik Puad bin Daud secara alam maya melalui aplikasi *whatsapp* begitu juga dengan Encik Syed Alwi bin Syed Hamzah dan Haji Asmadi bin Omar. Namun begitu, pengkaji turut melaksanakan kaedah temu bual secara bersemuka bersama informan iaitu penduduk Kampung Tuan seramai dua orang iaitu Syed Alwi dan Haji Asmadi yang dijalankan di kawasan Masjid Lama Kampung Tuan.

Melalui kaedah temu bual ini, pengkaji telah menyediakan 15 soalan untuk dikemukakan kepada informan yang terlibat bagi menjawab segala persoalan dan permasalahan berkaitan dengan kajian ini. Antara soalan yang dikemukakan oleh pengkaji termasuklah "Bagaimanakah proses atau prosedur pewartaan Masjid Lama Kampung Tuan ini dijalankan?", "Adakah pihak tuan mengetahui akan proses pemuliharaan yang dijalankan keatas Masjid Lama Kampung Tuan dan sejak bila lagi ia dijalankan?", "Adakah pihak tuan mengetahui akan garis panduan mengenai konservasi bangunan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN)?", "Siapakah yang terlibat dalam melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan di Masjid Lama Kampung Tuan selain daripada Jabatan Warisan Negara (JWN)?", dan "Adakah pihak tuan bersetuju dengan pemuliharaan yang dijalankan keatas masjid ini?".

Terdapat tiga jenis teknik temu bual dalam sesebuah kajian iaitu temu bual secara formal, temu bual tidak formal dan temu bual terbuka (Patton, 1980). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah temu bual secara tidak formal. Tujuannya adalah untuk memudahkan masyarakat lebih memahami perkara yang ingin ditanya oleh pengkaji memandangkan majoriti daripada kalangan mereka yang tidak

mempunyai tahap pendidikan yang tinggi. Di samping itu, informan yang ingin ditemu bual oleh pengkaji ialah dari golongan penduduk setempat yang mengetahui sejarah Masjid Lama Kampung Tuan. Selain itu, pengkaji turut menemu bual penduduk Kampung Tuan yang mengetahui tentang sejarah dan latar belakang mengenai Masjid Lama Kampung Tuan. Antaranya ialah Encik Fuad bin Daud, Encik Syed Alwi bin Syed Hamzah dan Haji Asmadi bin Omar yang merupakan ketua Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK).

Selain itu, pengkaji turut mengemukakan beberapa soalan yang berkaitan dengan objektif kajian pengkaji sendiri mengenai serba sedikit latar belakang Masjid Lama Kampung Tuan seperti “Adakah struktur bangunan yang dibina pada Masjid Lama Kampung Tuan itu disambung pada bangunan asal masjid tersebut?” dan “Apakah struktur bangunan yang telah dibina pada masjid tersebut?”.

Menurut Encik Puad Bin Daud, 63 tahun yang juga bekerja sebagai Pembantu Pelancongan Negeri Terengganu, beliau menceritakan serba sedikit sejarah mengenai Masjid Lama Kampung Tuan dan struktur bangunan yang telah ditambah pada bangunan asal masjid tersebut. Antara struktur bangunan yang dibina ialah ‘*awning*’ yang bermaksud atap yang ditambah oleh penduduk Kampung Tuan untuk meneduhi kaki lima yang terdapat di masjid tersebut. Tambah beliau lagi, terdapat juga ‘*extension*’ iaitu stor peralatan Masjid Lama Kampung Tuan yang dikatakan sebagai penambahan ruang baru di bahagian belakang masjid.

Melalui kaedah temu bual secara tidak formal ini, ia memudahkan kefahaman berkomunikasi dua hala antara pengkaji dan informan. Secara tidak langsung, pengkaji dapat memperolehi maklumat yang diperlukan melalui kerjasama antara informan yang ditemu bual. Apa yang lebih penting, pengkaji dapat menanyakan soalan mengenai contoh-contoh kerja pemuliharaan yang telah dijalankan keatas Masjid Lama Kampung Tuan sebelum ini bagi menjawab objektif kajian pengkaji.

Sumber Sekunder

3.13 Sumber Kepustakaan

Menurut Mohd Shafie (1999), kajian kepustakaan merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan data dan bukti melalui kajian keatas dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada. Kajian ini membolehkan pengumpulan data yang bersifat sekunder yang dapat dilaksanakan bagi menyokong

dapatan kajian. Antara sumber rujukan yang boleh dijadikan kajian pengkaji melalui kaedah ini ialah buku.

3.1.4 Rujukan Internet

Rujukan internet merupakan salah satu platform kepada pengkaji untuk mendapatkan sesuatu maklumat tambahan mengenai kajian yang dijalankan. Namun begitu, pengkaji terlebih dahulu perlu mengetahui laman web yang dikategorikan sebagai ilmiah yang sepatutnya digunakan dalam mendapatkan sesuatu maklumat. Hal ini adalah bertujuan untuk pengkaji mendapatkan maklumat mengenai kajian pemuliharaan yang dilakukan keatas Masjid Lama Kampung Tuan melalui sumber-sumber yang boleh dipercayai.

Sebagai contoh, pengkaji turut menggunakan kemudahan media sosial seperti laman sesawang ataupun internet bagi memperoleh maklumat yang lebih terperinci melalui sumber yang berbeza. Antara sumber yang digunakan oleh pengkaji ialah laman sesawang yang berbentuk ilmiah seperti *google scholar*, *academia* dan *researchgate* yang dipercayai umum banyak digunakan oleh pengkaji dalam bidang akademik.

3.2 Rumusan Bab

Masjid Lama Kampung Tuan merupakan masjid yang telah diiktiraf oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) sebagai bangunan warisan di daerah Kemaman. Pada mulanya ia merupakan sebuah surau yang dijadikan sebuah masjid. Namun, statusnya telah bertukar kembali kepada sebuah surau memandangkan kampung tersebut sudah mempunyai masjid untuk mendirikan solat Jumaat. Walaupun begitu, masjid ini sudah kembali berfungsi sebagai surau, namun namanya masih dikekalkan sebagai masjid. Masjid Lama Kampung Tuan ini masih lagi aktif dengan pelbagai program kuliah dan kemasyarakatan yang dianjurkan oleh jemaah masjid dengan kerjasama penduduk Kampung Tuan. Melalui kajian ini, pengkaji berharap ia dapat membantu sedikit sebanyak kepada pengkaji akan datang dalam melengkapkan lagi hasil kajian mereka mengenai Masjid Lama Kampung Tuan.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Dalam bab empat ini mengandungi dapatan kajian atau hasil kajian yang telah dijalankan dengan menggunakan metodologi yang telah dinyatakan dalam bab 3. Bab ini menjelaskan perolehan data dengan lebih terperinci. Analisis dan perolehan data dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif bagi mendapatkan data yang tepat untuk objektif yang dijalankan.

4.1 Dapatan Kajian

4.1.1 Pemerhatian

Melalui kaedah pemerhatian, pengkaji mendapati Masjid Lama Kampung Tuan telah mengalami beberapa perubahan penambahbaikan dari segi struktur binaannya. Antara struktur yang dapat dilihat mengalami perubahan dari tahun 2006 iaitu semenjak masjid ini diwartakan sebagai bangunan warisan ialah '*awning*' dan '*extension*'. Pengkaji dapat melihat penambahbaikan struktur ini dibina bersambung dengan fasad bangunan masjid yang asal. Secara tidak langsung, bangunan yang sebelum ini diiktiraf sebagai bangunan warisan menjadi kekurangan identiti dan keaslian kerana ia sudah bersambung dengan fasad yang baru. '*Awning*' yang disambung dengan fasad bangunan masjid yang asal adalah pada bahagian hadapan masjid dan sebelah kiri bangunan masjid. Manakala '*extension*' yang dikatakan sebagai tempat penyimpanan barangan masjid juga dibina pada bahagian sebelah kiri memandangkan ruangan sebelah kiri adalah lebih luas dibandingkan dengan ruangan sebelah kanan.



Sumber: (Pengkaji, 2020)

Gambar 4.1 Bahagian '*awning*' dan '*extension*' yang ditambah pada fasad bangunan asal Masjid Kampung Tuan.

Keluasan 'awning' dan 'extension' yang dibina agak luas untuk memenuhi keperluan aktiviti dan program yang dianjurkan oleh pihak masjid disamping sebagai tempat untuk berlindung daripada cuaca panas dan hujan. Melalui pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji, pengkaji mendapati bahawa penduduk Kampung Tuan telah melakukan penambahbaikan seperti 'awning' dan 'extension' pada fasad bangunan yang asal dan disambungkan pada bahagian hadapan dan sebelah kiri. Pada bahagian awning yang dibina, pengkaji turut memerhati bahawa bahagian hadapan Masjid Lama Kampung Tuan diletakkan meja dan kerusi untuk memudahkan penduduk Kampung Tuan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bulanan seperti memasak, iftar dan sebagainya. Tambahan pula, bahagian 'awning' ini dapat dijadikan tempat untuk berteduh daripada cuaca hujan dan panas memandangkan tiada tempat lain yang berhampiran masjid ini untuk berlindung memandangkan kawasan sekitar hanyalah rumah penduduk sahaja. Secara tidak langsung, ia dapat memberikan keselesaan kepada penduduk Kampung Tuan itu sendiri dan pengunjung luar.

4.1.2 Temu bual

Di dalam kajian ini, pengkaji telah menemu bual seramai tiga orang informan yang merupakan penduduk Kampung Tuan, Chukai, Kemaman yang mengetahui serba sedikit mengenai pemuliharaan Masjid Lama Kampung Tuan. Seorang daripada informan tersebut ialah Encik Puad Bin Daud, 63 tahun yang merupakan Pembantu Pelancongan Negeri Terengganu. Dua orang lagi informan merupakan penduduk Kampung Tuan itu sendiri iaitu Encik Syed Alwi Bin Syed Hamzah yang merupakan bekas ketua Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Tuan (JPKK). Manakala Haji Asmadi Bin Omar pula merupakan ketua JPKK Kampung Tuan yang baru. Tujuan pengkaji menemu bual tiga orang informan ini adalah untuk mendapatkan maklumat kajian mengenai pemuliharaan bangunan Masjid Kampung Tuan yang telah melakukan penambahbaikan pada struktur binaannya.

Dalam proses menemu bual ini, pengkaji telah menanyakan 15 soalan yang berkaitan dengan pemuliharaan bangunan masjid ini sama ada mengikut piawaian atau standard yang betul ataupun tidak serta kerja-kerja pemuliharaan yang pernah dijalankan keatas Masjid Kampung Tuan. Temu bual ini telah dijalankan melalui atas talian menerusi aplikasi *Whatsapp* memandangkan ketika itu boleh dikatakan Semenanjung Malaysia termasuk negeri Sabah dan Sarawak menjalani Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) kerana penularan virus Covid-19 yang semakin meningkat dari hari ke hari. Hal ini menyebabkan pengkaji mengalami

kesukaran untuk melaksanakan kaedah temu bual secara bersemuka. Proses temu bual bersama dengan Encik Puad berlangsung hanya beberapa minit sahaja iaitu bermula daripada pukul 8.18 malam hari Ahad bersamaan dengan 19 April 2020.

Seorang lagi informan daripada penduduk Kampung Tuan itu sendiri yang dikenali sebagai Encik Alwi atau nama sebenarnya Syed Alwi bin Syed Hamzah. Temu bual ini turut menjerumuskan kepada soalan yang berkaitan dengan objektif kajian pengkaji iaitu sama ada pemuliharaan bangunan Masjid Lama Kampung Tuan ini mengikut piawaian atau standard yang betul ataupun tidak serta kerja-kerja pemuliharaan yang pernah dijalankan keatas masjid tersebut. Temu bual ini turut dijalankan melalui aplikasi *Whatsapp* kerana mengalami situasi yang sama iaitu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana kes Covid-19 semakin meningkat. Temu bual bersama beliau adalah pada pukul 5.36 petang pada hari Isnin bersamaan dengan 30 November 2020.

Namun begitu, terdapat juga temu bual yang dilaksanakan secara bersemuka antara pengkaji dengan informan bagi mendapatkan beberapa lagi maklumat tambahan mengenai isu pemuliharaan bangunan Masjid Lama Kampung Tuan. Tujuan dilaksanakan temu bual secara bersemuka ini adalah untuk mendapatkan maklumat secara terperinci disamping pengkaji dapat melaksanakan pemerhatian secara realiti terhadap bangunan Masjid Lama Kampung Tuan. Temu bual bersama Encik Alwi dan Haji Asmadi dijalankan di ruangan bawah Masjid Lama Kampung Tuan pada pukul 3.20 petang pada hari Isnin bersamaan 28 Disember 2020.



Sumber: (Pengkaji, 2020)

Gambar 4.2 Pengkaji menemubual informan.

4.2 Analisis dan Dapatan Kajian

Berikut merupakan hasil dapatan kajian yang telah dianalisis secara naratif. Hasil kajian ini dirungkaikan mengikut objektif-objektif kajian penyelidikan ini.

4.2.1 Objektif 1: Mengenalpasti sama ada pemuliharaan bangunan Masjid Lama Kampung Tuan mengikut piawaian atau standard yang betul atau tidak.

4.2.1.1 Pemerhatian

Di dalam objektif ini, pemuliharaan bangunan Masjid Lama Kampung Tuan perlu mengikut prinsip atau garis panduan dalam memulihara bangunan yang telah diwartakan sebagai bangunan warisan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN). Dalam hal ini, pihak yang bertanggungjawab dalam menjaga masjid ini perlu mengikut empat (4) prinsip dan pendekatan memulihara Masjid Tradisional. Antaranya ialah meminimalkan gangguan. Sepertimana yang dikatakan dalam (Piagam Burra Artikel 3, 1979; Piagam New Zealand Artikel 4iii, 1992) bahawa pemuliharaan bangunan mestilah berdasarkan fabrik bangunan. Oleh itu, sebarang gangguan untuk penyelidikan dan kerja awalan mestilah paling minima. Selain itu, menjalankan penyelidikan dan makmal saintifik ujian seperti yang digariskan dalam ICOMOS, Artikel 12, 1998 “pemuliharaan harus berdasarkan penyelidikan dan fizikal yang sesuai dan tidak merosakkan”. Manakala prinsip yang ketiga ialah perlu mendokumentasikan kerja-kerja konservasi. Prinsip ini terkandung di dalam Artikel 10 (f), ICOMOS 1998 iaitu rekod pemuliharaan haruslah sentiasa dijaga dengan mendokumentasikan bangunan atau tapak dan disimpan dalam arkib yang sesuai. Akhir sekali, mengaplikasikan kaedah dan teknik yang berkesan. Dalam Fasal 4, Artikel 4.1 dan 4.2 Piagam Burra, telah menggariskan bahawa pemuliharaan mestilah dimanfaatkan semua pengetahuan, kemahiran dan disiplin ilmu yang boleh menyumbang kepada kajian dan penjagaan tempat. Teknik dan bahan tradisional juga lebih disukai untuk pemuliharaan yang ketara dalam fabrik bangunan.

Melalui pemerhatian yang dijalankan, pengkaji menyedari bahawa penambahbaikan yang dilakukan oleh penduduk kampung dan jemaah masjid seperti ‘awning’ dan ‘extension’ dibina pada fasad bangunan asal Masjid Lama Kampung Tuan. Penambahan ini secara tidak langsung menjadikan bangunan masjid ini kekurangan identiti bangunan asal kerana ia bercantum dengan bangunan baru. Hal ini adalah kerana, untuk mengekalkan sesuatu bangunan warisan, bangunan tersebut perlu meminimalkan gangguan yang boleh menghilangkan keaslian dan keunikan asal

bangunan. Begitu juga dengan Masjid Lama Kampung Tuan ini. Sekiranya ingin melakukan sebarang penambahan struktur bangunan seperti 'awning' yang juga dikenali sebagai laluan pejalan kaki, ia perlu dibina berasingan dengan bangunan asal. Secara tidak langsung, ia dapat membezakan bangunan asal dan bangunan yang baru seterusnya dapat mengekalkan keaslian dan keunikan bangunan masjid itu sendiri.

4.2.1.2 Temu bual

Menerusi temubual yang dijalankan antara pengkaji dengan informan Encik Alwi, beliau mengatakan bahawa prosedur pewartaan Masjid Lama Kampung Tuan ini adalah disebabkan Jabatan Warisan Negara (JWN) sudah mengetahui tentang kewujudan masjid ini merupakan masjid yang tertua di negeri Terengganu. Hal ini juga dikaitkan dengan Pejabat Agama daerah Chukai yang dikatakan sebagai orang tengah untuk berunding dengan JWN dalam memastikan masjid ini dikategorikan sebagai bangunan warisan. Hal ini adalah kerana, Jabatan Warisan Negara (JWN) sendiri yang turun padang bagi membuat penyelidikan untuk memastikan Masjid Lama Kampung Tuan ini sesuai dijadikan sebagai bangunan warisan ataupun tidak.

Selain itu, Encik Alwi mengatakan bahawa proses pemuliharaan yang dijalankan keatas Masjid Lama Kampung Tuan ini bermula pada 2006 setelah JWN membuat penyelidikan dan membaikpulih struktur bangunan masjid ini. Antara struktur ketara yang dibaikpulih oleh Jabatan Warisan Negara ialah atap yang ditukar secara keseluruhan yang sebelum ini menggunakan material atap singgora. Hal ini adalah kerana, atap singgora dikatakan hanya mampu bertahan selama empat tahun sahaja dan disebabkan itu ia ditukarkan kepada atap genting. Terdapat juga penambahan 'awning' dan 'extension' yang dilakukan oleh penduduk Kampung Tuan bersama-sama jemaah masjid pada tahun 2000. Begitu juga dengan penambahan tangga dan beranda pada bahagian luar ruangan masjid yang dikatakan telah dibina pada tahun 80-an. Tambah beliau lagi, bangunan masjid ini turut dibaikpulih melalui kerangka masjid tersebut. Hal ini adalah kerana, dahulu kerangka ini hanya menggunakan pasak. Namun begitu, setelah bangunan ini mengalami beberapa masalah dari segi ketidaksabilan kerangka pada bahagian kayu di antara rangka atap dan tiang, maka penduduk kampung menggunakan bolt dan nat untuk mengukuhkan kestabilan struktur kayu tersebut.

Penduduk Kampung Tuan juga tidak mengetahui tentang garis panduan yang sistematik dalam pemuliharaan bangunan Masjid Lama Kampung Tuan. Tambah beliau lagi, pemuliharaan yang dilakukan keatas masjid ini adalah dengan mengikut

idea asal yang tulen dan hanya struktur atau rangka kasar sahaja yang perlu dibaiki. Terdapat juga proses pembaikpulihan struktur yang sedikit reput dan menyebabkan ketidakstabilan pada fasad bangunan masjid di bahagian dinding. Oleh hal yang sedemikian, JWN yang berpengalaman dalam bidang pertukangan kayu telah menggunakan kaedah 'jet' untuk memberi sokongan kepada struktur bahagian atas. Material yang digunakan pula ialah kayu dan bukannya besi memandangkan secara keseluruhan pembinaan bangunan masjid ini pada awalnya dibina dengan menggunakan kayu cengal.

Menurut Haji Asmadi sebagai Ketua Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Tuan, terdapat tindakan yang dikenakan kepada penduduk Kampung Tuan kerana melakukan pembaikpulihan atap iaitu mereka menerima surat saman. Hal ini dikatakan penduduk kampung membuat penambahbaikan struktur bangunan yang disambung pada fasad bangunan asal tanpa kebenaran daripada pihak JWN. Sedangkan, menurut beliau lagi, penduduk Kampung Tuan telah meminta kebenaran dari segi bajet untuk memulihara bangunan masjid ini kepada pihak JWN namun ia tidak mendapat maklumbalas daripada pihak tersebut. Ia mengambil masa selama 6 bulan untuk mendapat maklum balas sehingga memakan masa selama setahun. Turut dikatakan bahawa terdapat wakil AJK Masjid Lama Kampung Tuan iaitu Encik Alwi telah membuat permohonan untuk membaikpulih atap masjid yang sebelum ini menggunakan atap singgora dengan menukarkan kepada atap genting. Tujuan permohonan ini adalah untuk mendapatkan kebenaran bagi membaikpulih atap masjid yang sudah semakin reput dengan menggunakan tenaga kerja AJK masjid dan penduduk kampung. Tambah beliau lagi, kerja-kerja baik pulih atap ini adalah kerana atap singgora yang digunakan sebelum ini telah pecah. Hal ini disebabkan kerana, atap tersebut terkena batu-batu kecil yang digunakan kanak-kanak yang tinggal di sekitar masjid tersebut yang bermain lastik dan juga disebabkan terdapat musuh haiwan seperti kera yang memijak atap masjid tatkala tibanya musim buah.

Namun begitu, penduduk kampung tetap tidak mendapat maklum balas daripada pihak JWN setelah menunggu sekian lama. Hal ini membuatkan penduduk Kampung Tuan terpaksa mengadakan mesyuarat untuk menyatakan persetujuan orang ramai bagi membaikpulih atap tersebut dengan mengadakan kutipan dana dalam bentuk wang ringgit. Keadaan ini boleh dikatakan penduduk kampung membuat keputusan untuk membaiki bagi tujuan keperluan semasa jemaah masjid dan penduduk kampung dalam melaksanakan sesuatu program. Begitu juga dengan penambahan '*awning*' dan '*extension*' yang dilakukan oleh AJK masjid dan penduduk

kampung. Tujuan pembinaan ini adalah untuk mengasingkan tempat ibadat di dalam masjid dengan tempat makan sekiranya terdapat sesuatu program.

Setelah penduduk Kampung Tuan menyiapkan kerja-kerja baik pulih atap masjid tersebut, mereka mendapat panggilan dari pihak JWN beserta surat saman. Dalam proses mendapat surat saman ini, 13 jabatan telah dipanggil untuk memberi maklum balas mengenai isu ini. Antara jabatan yang dipanggil untuk turut bersemuka dengan pihak JWN ialah Jabatan Kerja Raya (JKR), Pejabat Tanah, Pejabat Agama dan sebagainya kerana jabatan-jabatan ini mempunyai hubungan dengan status Masjid Lama Kampung Tuan.

4.2.2 Objektif 2: Membincangkan kerja-kerja pemuliharaan yang pernah dijalankan keatas Masjid Lama Kampung Tuan.

Objektif kedua adalah untuk membincangkan kerja-kerja pemuliharaan yang pernah dijalankan keatas Masjid Lama Kampung Tuan. Objektif ini adalah bertujuan untuk mengetahui kerja-kerja pemuliharaan yang telah dilaksanakan keatas Masjid Lama Kampung Tuan setelah ia diwartakan sebagai bangunan warisan pada tahun 2006. Memandangkan bangunan surau ini telah menjangkau usia lebih 100 tahun, sudah semestinya ia pernah dijalankan kerja-kerja pemuliharaan sama ada pada bahagian dalaman masjid mahupun luaran masjid kerana mengalami beberapa faktor kerosakan iaitu melalui faktor ekstrusif (luaran) mahupun faktor instrusif (dalaman). Oleh sebab itu, pengkaji ingin mengetahui jenis-jenis pemuliharaan yang pernah dijalankan keatas masjid tersebut melalui sesi temu bual dengan beberapa orang informan yang mengetahui akan maklumat disebalik kerja-kerja pemuliharaan ini.

Antara pemuliharaan yang pertama sekali dijalankan keatas bangunan masjid ini adalah dari segi struktur asal rangka atap. Dalam situasi ini, tiada sebarang pertukaran struktur melainkan hanya atap sahaja. Pada bahagian antara rangka atap dan tiang masjid tersebut, ia menggunakan bolt dan nat dan tidak menggunakan sebarang paku kerana sebelum ini, fasad bangunan Masjid Lama Kampung Tuan hanya menggunakan kaedah pasak sahaja. Tujuan menggunakan bolt dan nat ini adalah kerana struktur kayu yang dibina pada bahagian rangka atap tersebut adalah kasar dan secara tidak langsung dapat mengekalkan kestabilan rangka atap masjid tersebut. Namun begitu, penggunaan bolt dan nat ini dikatakan tidak menggunakan sepenuhnya penggantian sebaliknya hanya penambahan struktur sahaja untuk memberi sokongan sahaja.



Sumber: (Pengkaji, 2020)

Gambar 4.3 Rangka tiang yang sebelum ini menggunakan pasak digantikan dengan penggunaan bolt dan nat.

Antara pihak yang terlibat dalam melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan di Masjid Lama Kampung Tuan selain daripada Jabatan Warisan Negara ialah penduduk Kampung Tuan sendiri bersama-sama jemaah masjid. Encik Alwi mengatakan bahawa masjid ini pada mulanya dipulihara oleh pihak JWN. Setelah JWN memberi kepercayaan kepada penduduk ini sendiri untuk menguruskan sebarang kerja-kerja pemuliharaan, maka secara tidak langsung penduduk Kampung Tuan yang mengambil alih tugas-tugas pemuliharaan untuk dipulihara mengikut jenis kerosakan yang dialami oleh masjid tersebut.

Sepanjang Masjid Lama Kampung Tuan ini dibina, kerja-kerja pemuliharaan ini hanya sekali sahaja dipulihara oleh Jabatan Warisan Negara. Menurut Haji Asmadi, kerja-kerja pemuliharaan pada tahun 2006 ini memakan masa hampir 2 bulan dan tukang kayu yang bertanggungjawab untuk membaikpulih atap yang rosak ialah tukang kayu mahir yang didatangi dari Pasir Mas. Selain itu, terdapat juga penambahan beranda dan tangga pada bahagian hadapan pintu masuk Masjid Lama Kampung Tuan. Tambah beliau lagi, penambahan beranda dan tangga ini dibina pada tahun 80-an.



Sumber: (Pengkaji, 2020)

Gambar 4.4 Beranda yang dibina pada tahun 80-an.

Pemuliharaan bangunan Masjid Lama Kampung Tuan mendapat persetujuan orang ramai khususnya jemaah masjid dan penduduk kampung. Hal ini adalah kerana, tujuan sesuatu pemuliharaan ini dilaksanakan adalah untuk memastikan sesuatu struktur yang terdapat pada fasad bangunan ini berada dalam keadaan yang selamat digunakan serta dapat memberikan keselesaan kepada pengguna yang menggunakan masjid ini. Tambahan pula, masjid ini sudah menjangkau usia 100 tahun, sudah tentu terdapat sebarang kerosakan kecil mahupun besar di setiap struktur binaan. Oleh sebab itu, penduduk kampung bersetuju dengan mengambil inisiatif untuk memulihara bangunan masjid ini dengan kerjasama jemaah masjid dan penduduk kampung bagi memudahkan penduduk kampung untuk melaksanakan sesuatu program dan kegunaan bersama. Secara tidak langsung, dengan adanya konsep pemuliharaan ini dapat memberi pengajaran kepada penduduk Kampung Tuan untuk mengetahui akan kepentingan menjaga bangunan warisan seterusnya bangunan ini dapat digunakan lagi oleh generasi yang akan datang.

Mengenai temu bual dengan Encik Puad melalui atas talian, Masjid Lama Kampung Tuan telah melakukan penambahbaikan pada struktur binaan asal masjid tersebut. Penambahbaikan ini menggunakan istilah yang tertentu seperti '*awning*' iaitu atap yang dibina pada laluan pejalan kaki yang dikatakan ditambah di tepi masjid. Manakala terdapat juga '*extension*' yang ditambah pada ruang penyimpanan barangan masjid atau dikenali sebagai stor di ruangan belakang. Menurut beliau, penambahbaikan struktur ini adalah untuk tujuan kegunaan jemaah masjid dan penduduk kampung dalam melaksanakan sesuatu program. Antara program yang sering dilaksanakan di Masjid Lama Kampung Tuan yang dikatakan sebagai program

tahunan ialah program Maulidur Rasul, bubur asyura, korban dan iftar (berbuka puasa). Disebabkan wujudnya program-program sebegini membuatkan penduduk kampung bersetuju untuk melakukan penambahbaikan dengan membina *'awning'* dan *'extension'* untuk memudahkan sesuatu program dapat dilaksanakan.



Sumber: (Pengkaji, 2020)

Gambar 4.5 *'Awning'* dan *'extension'* yang disambung dengan fasad bangunan asal untuk kegunaan orang ramai melakukan sesuatu program.

Menurut Encik Alwi pula, *'awning'* dan *'extension'* di bahagian luar tersebut termasuk beranda dan tangga dibuat dan diusahakan oleh penduduk Kampung Tuan sendiri dan Jemaah masjid yang lama beserta dengan dana yang dikumpul sendiri oleh penduduk itu sendiri. Menurut beliau lagi, hanya struktur di dalam surau itu sahaja yang dibuat dan dibiayai oleh Jabatan Warisan Negara (JWN). Pada mulanya, surau ini dibawah tanggungjawab pihak JWN memandangkan ia diwartakan sebagai bangunan warisan semenjak tahun 2006, namun kebanyakan kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan dilaksanakan oleh penduduk dan ahli jawatankuasa (AJK) Masjid Lama Kampung Tuan itu sendiri. Hal ini dipercayai bahawa, pihak JWN kurang mengambil cakna tentang masjid tersebut. Secara tidak langsung, pihak kampung bersetuju dalam membuat keputusan untuk membaiki sebarang kerosakan tanpa merujuk kepada pihak JWN. Menurut beliau, kerja-kerja pemuliharaan ini perlu diteruskan bagi kegunaan bersama penduduk Kampung Tuan. Namun begitu, kerja-kerja yang dilaksanakan oleh AJK dan penduduk kampung tidaklah sampai ketahap mengubah rupa bentuk dan seni bina asal masjid tersebut menjadi bentuk yang baru dan segala-galanya mengikut rangka asal dan bentuk yang asli.

4.2.3 Objektif 3: Mencadangkan penjagaan rapi kepada penduduk Kampung Tuan terhadap Masjid Lama Kampung Tuan dengan mengikut prosedur yang betul.

Terdapat beberapa cadangan dari pihak pengkaji bagi penjagaan rapi kepada penduduk Kampung Tuan terhadap Masjid Lama Kampung Tuan dengan mengikut prosedur yang betul. Antara cadangan yang dapat dikemukakan oleh pengkaji terhadap penduduk Kampung Tuan adalah dari segi kerjasama yang diberikan oleh penduduk kampung dalam penjagaan Masjid Lama Kampung Tuan. Penduduk Kampung Tuan perlu melakukan kerja-kerja memulihara masjid ini dengan berterusan bagi memastikan masjid ini dapat digunakan lagi oleh generasi yang akan datang memandangkan masjid ini merupakan masjid warisan.

Selain itu, pemuliharaan memerlukan pendekatan yang cermat dalam melakukan perubahan yang diperlukan keatas bangunan Masjid Lama Kampung Tuan. Perubahan yang dilakukan mestilah tidak menimbulkan sebarang perubahan dalam bentuk fizikal atau menghapuskan bukti yang asal serta perubahan yang dilakukan bukan hanya berdasarkan andaian semata-mata. Dalam erti kata lain, perubahan yang dilakukan haruslah dapat dibezakan antara yang lama dengan yang baru. Sebagai contoh yang dapat dilihat melalui bangunan masjid ini, perubahan yang dapat dilihat dengan ketara adalah dari segi penukaran bahagian atap yang sebelum ini menggunakan material atap singgora kemudiannya menggantikan dengan penggunaan atap genting. Begitu juga dengan penambahbaikan yang dibuat pada fasad bangunan Masjid Lama Kampung Tuan iaitu penambahan '*awning*' dan '*extension*'. Melalui perubahan dan penambahbaikan ini secara tidak langsung menyebabkan masjid tersebut kekurangan keaslian pada struktur bangunan yang dimaksudkan. Hal ini adalah kerana, keaslian boleh terancam dengan perubahan sejarah yang dapat merosakkan seperti penggantian bahan yang lebih baru atau moden.

Di samping itu, penduduk Kampung Tuan perlu melaksanakan kaedah pendokumentasian mengenai sejarah dan kepentingan pemuliharaan Masjid Lama Kampung Tuan. Antara kaedah dalam pendokumentasian yang perlu dimasukkan adalah mengenai sejarah dan pemuliharaan keatas bangunan Masjid Lama Kampung Tuan. Hal ini demikian kerana, melalui kaedah pendokumentasian, ia dapat menjadi rujukan kepada para pengkaji di luar sana untuk membuat kajian mengenai masjid tersebut. Dalam erti kata lain, kaedah pendokumentasian ini boleh dibukukan

seterusnya dapat diterbitkan bagi tujuan kajian pada masa akan datang seterusnya dapat meningkatkan kefahaman seseorang mengenai pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia. Pendokumentasian mengenai pemuliharaan Masjid Lama Kampung Tuan ini mestilah disimpan dalam sebuah arkib yang kekal dan dibuka untuk umum, dengan syarat keselamatan dan kerahsiaan, serta dilakukan apabila bersesuaian dengan budaya.

4.3 Kesimpulan

Kesimpulannya, dapat dilihat bahawa pemuliharaan bangunan Masjid Lama Kampung Tuan telah melakukan pemuliharaan tanpa mengikut piawaian atau standard yang betul dengan cara menambahbaik struktur '*awning*' dan '*extension*' pada ruang belakang dan kiri masjid. Kerja-kerja menambahbaik struktur ini dikatakan dibina untuk kegunaan orang ramai terutamanya kepada penduduk Kampung Tuan itu sendiri dalam melaksanakan sesuatu program tahunan. Namun begitu, kerja-kerja pemuliharaan yang dilakukan oleh penduduk Kampung Tuan ini perlulah dilaksanakan dengan mengikut prosedur yang betul mengikut garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN).

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pengenalan

Bab 5 merupakan bab yang terakhir didalam kajian penyelidikan. Bab ini menerangkan beberapa cadangan serta keseluruhan kesimpulan kajian. Kajian penyelidikan ini telah berjaya merungkai permasalahan kajian, menjawab persoalan kajian dan mencapai keseluruhan objektif kajian.

5.1 Perbincangan

5.1.1 Menjawab kepada Persoalan Kajian

Terdapat beberapa perbincangan berdasarkan ketiga-tiga objektif kajian sebelum pengkaji membincangkan cadangan akhir. Setiap masjid terutamanya yang telah diwartakan sebagai bangunan warisan, perlulah mengetengahkan kerja-kerja pemuliharaan yang dijalankan bagi memastikan ia dapat dijadikan rujukan kepada pengkaji yang akan datang yang membuat kajian mengenai pemuliharaan masjid yang berunsurkan warisan. Melalui kaedah kualitatif iaitu pemerhatian dan temu bual, pengkaji mendapati bahawa terdapat penambahbaikan pada struktur binaan asal Masjid Lama Kampung Tuan dengan struktur bangunan yang baru seperti '*awning*' dan '*extension*'. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa penduduk Kampung Tuan tidak mengikut piawaian atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) kerana mereka tidak mengetahui garis panduan yang sistematik dalam pemuliharaan Masjid Lama Kampung Tuan. Oleh hal yang demikian, pengkaji mencadangkan beberapa cadangan yang boleh digunapakai oleh penduduk Kampung Tuan untuk menambahbaik lagi kerja-kerja pemuliharaan yang mengikut garis panduan yang telah ditetapkan agar ia tidak bercanggah dengan akta yang sedia ada iaitu Akta Warisan Kebangsaan, 2005 yang berfokuskan kepada Akta 645.

5.1.2 Keaslian Kajian

Pengkaji dapat merumuskan bahawa terdapat beberapa permasalahan kajian pada sorotan kajian yang tidak menepati tajuk kajian pengkaji. Hal ini demikian kerana, kebanyakan kajian daripada pengkaji terdahulu banyak membincangkan sejarah dan latar belakang Masjid Lama Kampung Tuan sahaja. Dalam erti kata lain, kajian terdahulu khususnya artikel dan jurnal tidak menekankan kerja-kerja pemuliharaan terhadap struktur bangunan Masjid Lama Kampung Tuan. Hal ini menjadi suatu permasalahan yang penting kerana pemuliharaan bangunan bersejarah ini telah menjadi masalah yang sering berlaku. Melalui fokus pada usaha kontemporari untuk pemuliharaan bangunan bersejarah ini, kajian pengkaji dapat memberikan rujukan untuk menjaga keselamatan bangunan Masjid Lama Kampung Tuan. Situasi ini merupakan kepentingan utama dalam kajian pengkaji. Memandangkan usia masjid tersebut sudah berusia 190 tahun, sudah tentu ia mempunyai pelbagai kerosakan yang perlu dipulihara baik dari ruangan dalaman mahupun di luar masjid. Ini membuktikan bahawa terdapat kerja-kerja baik pulih perlu dilakukan keatas struktur binaan masjid ini bagi memastikan ia boleh digunakan lagi oleh penduduk Kampung Tuan dan orang awam. Sekiranya masjid ini dibiarkan tanpa penjagaan yang rapi oleh penduduk kampung, sudah tentu masjid ini dianggap sebagai masjid usang yang tidak berfungsi lagi hingga ke hari ini. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada pengkaji akan datang untuk meneruskan lagi kajian dalam aspek pemuliharaan bangunan warisan yang berteraskan kepada bangunan masjid

Selain itu, kajian terdahulu tidak menekankan pemunya atau pemilik sebenar Masjid Lama Kampung Tuan. Sepertimana yang dibincangkan oleh pengkaji bahawa kajian mengenai masjid ini lebih tertumpu kepada sejarah dan latar belakang, ia juga hanya berfokuskan kepada pengasas masjid yang dahulu sahaja. Hal ini secara tidak langsung, menjadikan pengkaji yang akan datang tidak mengetahui dengan lebih lanjut mengenai kewujudan pewaris sebenar Masjid Lama Kampung Tuan yang dikatakan bertanggungjawab dalam kerja-kerja pemuliharaan masjid ini. Walau bagaimanapun, melalui temu bual pengkaji bersama dengan Encik Alwi dan Haji Asmadi, pengkaji mendapati bahawa terdapat pewaris yang bertanggungjawab membuat permohonan geran tanah di Pejabat Tanah untuk dijadikan masjid tersebut mempunyai tapak yang tersendiri. Pewaris yang dimaksudkan ialah Tuan Zaini yang masih lagi wujud dan dikatakan tinggal di Beserah, Pahang. Walaupun tidak mengetahui pewaris tersebut merupakan generasi yang keberapa, namun ia masih diberi tanggungjawab untuk memegang amanah tanah di kawasan Kampung Tuan.

5.2 Cadangan

Masjid Lama Kampung Tuan merupakan antara bangunan yang dikategorikan sebagai warisan di Malaysia yang juga telah diwartakan sendiri oleh Jabatan Warisan Negara sebagai bangunan warisan dan telah dilaksanakan kerja-kerja konservasi pada tahun 2006. Terdapat beberapa cadangan untuk memastikan Masjid Lama Kampung Tuan ini sentiasa menitikberatkan akan kerja-kerja pemuliharaan bangunan warisan dengan mengikut garis panduan yang telah digariskan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) agar sesebuah bangunan warisan dapat mengekalkan keasliannya yang tersendiri.

Cadangan pertama adalah dengan melaksanakan hebahan mengenai pemuliharaan yang pernah dijalankan keatas Masjid Lama Kampung Tuan. Hal ini demikian kerana, kebanyakan topik yang sering dibicarakan di platform media sosial terutamanya *Facebook* hanya memfokuskan kepada sejarah dan latar belakang Masjid Lama Kampung Tuan sahaja. Sedangkan, masjid ini pernah diwartakan sebagai bangunan warisan seterusnya dijalankan kerja-kerja pemuliharaan untuk mengekalkan identiti bangunan warisan. Tambahan pula, Masjid Lama Kampung Tuan ini sudah berusia ratusan tahun dan sudah pasti mempunyai banyak kerosakan yang dialami. Oleh kerana masjid ini dikategorikan sebagai bangunan warisan, maka sewajarnya pihak yang bertanggungjawab perlu memainkan peranan yang penting bagi menghebahkan segala aktiviti dan kerja-kerja pemuliharaan yang pernah dijalankan ke dalam platform media sosial dalam bentuk dokumentari agar ia mudah dijadikan sumber rujukan kepada pengkaji untuk membuat kajian pada masa akan datang. Secara tidak langsung, melalui kaedah ini, pengkaji dapat merujuk banyak sumber dan tidak bergantung kepada artikel dan jurnal semata-mata yang kebanyakannya tidak memberikan gambaran yang jelas mengenai kerja-kerja pemuliharaan yang dijalankan.

Selain itu, pihak masjid juga boleh menjemput sukarelawan yang terdiri daripada pelajar universiti yang mempunyai latar belakang pendidikan mengenai pemuliharaan bangunan warisan. Sebagai contoh, pihak masjid seperti Ahli Jawatankuasa perlu berkolaborasi dengan pihak universiti tempatan untuk melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan keatas Masjid Lama Kampung Tuan. Hal ini adalah kerana, idea dan pengalaman daripada pelajar universiti dengan penduduk kampung semestinya mempunyai perbezaan yang tersendiri disebabkan beberapa faktor seperti usia dan pengalaman yang dialami khususnya berkaitan dengan garis panduan yang perlu dipatuhi dalam mengerjakan kerja-kerja pemuliharaan. Oleh hal

yang sedemikian, melalui program sukarelawan ini, kedua-dua pihak dapat berkongsi pendapat dan pengalaman dalam bidang pemuliharaan untuk menjadikan masjid tersebut dapat digunakan dan diwarisi oleh generasi yang akan datang. Antara universiti tempatan yang boleh memberi kerjasama dengan sebaiknya dalam bidang konservasi bangunan ialah Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Teknologi Mara (UITM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM). Dalam erti kata lain, institusi yang dimaksudkan ini bukan sahaja dapat melahirkan konservator yang berjaya malah dapat melahirkan juga arkitek yang berjaya dalam bidang pemuliharaan bangunan warisan.

Seterusnya, pihak kerajaan perlu menyumbang dari segi kewangan dan alatan yang sepatutnya untuk tujuan pemuliharaan Masjid Lama Kampung Tuan. Dengan adanya sumbangan daripada pihak kerajaan, secara tidak langsung menjadikan kerja-kerja membaik pulih bangunan masjid dapat dijalankan dalam masa yang singkat tanpa sebarang permasalahan. Umum juga mengetahui bahawa, kerja-kerja membaik pulih sesuatu bangunan warisan memerlukan kos yang banyak terutamanya jika terdapat banyak kerosakan yang dialami oleh bangunan masjid tersebut. Tambahan pula, bangunan warisan memerlukan bahan dan material yang sama seperti asal bagi mengekalkan keaslian sesuatu bangunan. Antara bahan dan material yang ketara dapat dilihat melalui Masjid Lama Kampung Tuan ialah material kayu yang menggunakan kayu cengal memandangkan keseluruhan pembinaan masjid ini adalah dengan menggunakan kayu tersebut. Umum mengetahui bahawa penggunaan kayu cengal ini memerlukan kos yang tinggi memandangkan ia merupakan kayu yang berkualiti tinggi dan tahan lama. Oleh sebab itu, untuk menggunakan material yang sama yang menggunakan kayu cengal, ia memerlukan sumbangan dari segi kewangan daripada pihak kerajaan bagi meneruskan lagi kerja-kerja baik pulih masjid ini dari luaran mahupun dalaman masjid.

MALAYSIA
KELANTAN

5.3 Kesimpulan

Kesimpulannya, Masjid Lama Kampung Tuan merupakan masjid yang tertua di negeri Terengganu dan dikategorikan sebagai bangunan warisan. Oleh hal yang sedemikian, ia memerlukan beberapa cadangan untuk menambahbaik bangunan tersebut dengan tujuan pemuliharaan yang dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab khususnya penduduk Kampung Tuan itu sendiri, pihak kerajaan dan Jabatan Warisan Negara (JWN). Melalui kerjasama semua pihak yang berkepentingan ini secara tidak langsung Masjid Lama Kampung Tuan dapat dipulihara dengan lebih berkesan tanpa sebarang permasalahan. Melalui cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji ini, diharap masjid ini dapat dipulihara dan dijadikan sebagai masjid warisan yang boleh menjadi sumber rujukan kepada pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia terutamanya dalam skop pemuliharaan bangunan warisan yang mengkhususkan masjid. Hal ini adalah kerana, pemuliharaan sesuatu bangunan warisan mempunyai nilai kepentingannya yang tersendiri.

Antara nilai kepentingan pemuliharaan bangunan warisan yang dimaksudkan ialah kepentingan dari segi sejarah, seni bina, nostalgia yang dapat mengaitkan tentang sesuatu peristiwa, kepentingan pelancongan, pendidikan, nasionalisme, ekonomi dan sebagainya. Justeru, dengan adanya nilai-nilai sebegini, sebagai rakyat Malaysia yang prihatin, kita seharusnya menjaga bangunan warisan yang sedia ada untuk kepentingan generasi yang akan datang sekaligus mereka berpeluang untuk melihat dan menikmatinya. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa, kesedaran mengenai kepentingan pemuliharaan di Malaysia merupakan satu tanggungjawab yang mesti dipikul oleh setiap individu dalam masyarakat.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

RUJUKAN

1) Kamus

Kamus Dewan. (Edisi Ketiga). (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Noresah.

2) Buku

Mohamad Tajuddin (1988). *The Mosque as a Community Development Centre: Programme and Architectural Design Guidelines for Contemporary Muslim Societies*. Universiti Teknologi Malaysia. Muafakat Jaya Percetakan Sdn. Bhd.

Norlizaiha Harun (2020). *Pemuliharaan Bangunan Warisan*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur: Sinaran Bros Sdn. Bhd. 5-3-18, The Promenade Persiaran Mahsuri.

3) Jurnal

Ahmad, A. A. (2015). *Ruang Dalaman Masjid Melayu Tradisional Semenanjung Malaysia* (Doctoral dissertation, University of Malaya).

Firzan, M., Keumala, N., & Zawawi, R. (2017). Gaps pertaining evaluation on built heritage conservation with special annotation the Malaysian context. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 25(1), 21-38.

Johar, S., Che-Ani, A. I., Tawil, N. M., Tahir, M. M., Abdullah, N., & Ahmad, A. G. (2011). Key conservation principles of old traditional mosque in Malaysia. *WSEAS Transactions on Environment and Development*, 7(4), 93-102.

- Kasim, T. S. A. T., & Yusoff, Y. M. (2019). Peranan Konsep 'Surau Hijau'dalam Membentuk Komuniti Lestari di Sekolah (The Role of Green Surau Concept towards Forming Sustainable Community in School). *Akademika*, 89(3).
- Negara, J. W. (2012). Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan. *Kuala Lumpur*. Diambil Jun, 21, 2020.
- Subri, I. M., Abd Khafiz, H., & Mahaiyadin, M. H. (2014). Iktikaf Di Surau: Kajian Terhadap Keputusan Jawatankuasa Perundangan Hukum Syara' Wilayah Persekutuan. *Journal of Fatwa Management and Research*, 3(1), 730.
- Yusoff, Y. M., & Dollah, H. (2011). Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan Sepintas Lalu National Heritage Act, 2005: A Review. *Jurnal Melayu*, 8.
- Yusoff, Y. M., Hanapi Dollah, A. B., & DIN, M. A. O. (2010). Pembangunan warisan di Malaysia: Tinjauan umum tentang dasar. *Jurnal Melayu*, 5.
- Yusoff, M. Y. M. (2018). Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan dan Agensi Pelaksana di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 2(17).
- Yusoff, Y. M., & Dollah, H. (2017). Perlindungan harta warisan: Keberkesanan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan dalam pembangunan negara (National development and the protection of heritage property: An appraisal of the Malaysian experience). *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 9(2).
- Zuraidi, S. N. F., Akasah, Z. A., Rahman, A., & Ashraf, M. (2011). Masalah dalam pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia.

Zuraidi, S. N. F. (2014). *Model rangka kerja pemuliharaan struktur fabrik bagi bangunan bersejarah* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).

4) Laman Web

Negeri Terengganu. (2003). Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133]. Diambil Julai, 4, 2020. Dari http://www.mpk.terengganu.gov.my/sites/default/files/primuscore_content_fetcher/downloads/bylaws/bylaws_16.pdf

5) Temu Bual

Puad Daud (2020, Mei 29). Struktur binaan bangunan yang dibina pada Masjid Lama Kampung Tuan di Kemaman, Terengganu. (Temubual).

Haji Asmadi bin Omar (2020, Disember 28) Persetujuan informan mengenai kerja-kerja pemuliharaan yang telah dijalankan pada Masjid Lama Kampung Tuan di Kemaman, Terengganu. (Temubual).

Syed Alwi Syed Hamzah (2020, Disember 28). Kerja-kerja pemuliharaan yang pernah dijalankan keatas Masjid Lama Kampung Tuan di Kemaman, Terengganu. (Temubual).

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

LAMPIRAN



Gambar 1: Pandangan Masjid Lama Kampung Tuan pada bahagian hadapan.



Gambar 2: Plak pengisytiharan yang telah diisytiharkan oleh pihak Jabatan Warisan Negara (JWN) kepada Masjid Lama Kampung Tuan sebagai bangunan warisan.



Gambar 3: Ruangan 'extension' yang disambung pada ruangan kanan Masjid Lama Kampung Tuan.



Gambar 4: Ruangan 'awning' yang disambung pada ruangan belakang Masjid Lama Kampung Tuan.




Gambar 5: Pengkaji menemu bual informan daripada penduduk Kampung Tuan.



Gambar 6: Pengkaji bersama informan, Syed Alwi bin Syed Hamzah dan Haji Asmadi bin Omar.



Gambar 7: Mesej antara pengkaji dengan informan Tuan Puad.



Gambar 8: Mesej antara pengkaji dengan informan Syed Alwi bin Syed Hamzah.

SOALAN TEMU BUAL

OBJEKTIF 1: MENGENALPASTI SAMA ADA PEMULIHARAAN BANGUNAN MASJID LAMA KAMPUNG TUAN MENGIKUT PIAWAIAN ATAU STANDARD YANG BETUL ATAUPUN TIDAK.

- 1) Bagaimanakah proses atau prosedur pemertaaan Masjid Lama Kampung Tuan ini dijalankan?
- 2) Adakah pihak tuan mengetahui akan proses pemuliharaan yang dijalankan keatas Masjid Lama Kampung Tuan dan sejak bila ia dijalankan?
- 3) Adakah pihak tuan mengetahui akan garis panduan mengenai konservasi bangunan yang telah dikeluarkan oleh pihak Jabatan Warisan Negara (JWN)?
- 4) Apakah ada tindakan yang dikenakan kepada penduduk Kampung Tuan kerana melakukan penambahbaikan pembinaan pada struktur bangunan masjid tersebut?
- 5) Adakah pembinaan '*awning*' dan '*extension*' telah mendapat kebenaran daripada pihak berwajib seperti Jabatan Warisan Negara (JWN)?

OBJEKTIF 2: MEMBINCANGKAN KERJA-KERJA PEMULIHARAAN YANG PERNAH DIJALANKAN KEATAS MASJID LAMA KAMPUNG TUAN.

- 1) Apakah jenis pemuliharaan yang pertama dijalankan keatas Masjid Lama Kampung Tuan?
- 2) Siapakah yang terlibat dalam melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan di Masjid Lama Kampung Tuan?
- 3) Sepanjang Masjid Lama Kampung Tuan ini dibina, sudah berapa kali ia dijalankan kerja-kerja pemuliharaan?
- 4) Adakah pihak tuan bersetuju dengan pemuliharaan yang dijalankan keatas masjid ini?
- 5) Bolehkah saya mengetahui struktur pembinaan yang telah dilaksanakan keatas Masjid Lama Kampung Tuan?
- 6) Apakah tujuan pembinaan '*awning*' dan '*extension*' pada fasad bangunan masjid tersebut?
- 7) Adakah pihak tuan mengetahui kekerapan pihak Jabatan Warisan Negara (JWN) membuat kerja-kerja pemuliharaan?

OBJEKTIF 3: MENCADANGKAN PENJAGAAN RAPI KEPADA PENDUDUK TERHADAP MASJID LAMA KAMPUNG TUAN DENGAN MENGIKUT PROSEDUR YANG BETUL.

- 1) Adakah pihak tuan pernah terfikir untuk melaksanakan hebahan mengenai pemuliharaan yang pernah dijalankan keatas Masjid Lama Kampung Tuan melalui platform media sosial?
- 2) Adakah pihak tuan bersetuju untuk memberi kerjasama dengan penduduk Kampung Tuan memulihara masjid ini bagi mengekalkan lagi keaslian bangunan?
- 3) Adakah pihak tuan perlu meminta sumbangan daripada pihak kerajaan untuk mendapatkan sumbangan dalam pelbagai bentuk untuk tujuan pemuliharaan masjid?